



2

PRESTASI EKONOMI DAN KERJASAMA ANTARABANGSA

LAPORAN EKONOMI **2013/2014**

Prestasi Ekonomi dan Kerjasama Antarabangsa

Tinjauan

Pertumbuhan kekal sederhana

Pertumbuhan ekonomi global dalam tempoh separuh pertama 2013 kekal sederhana pada purata 2.5%. Ekonomi membangun yang berkembang pesat dan negara membangun berkembang pada kadar sederhana tetapi masih menyumbang sebahagian besar kepada pertumbuhan ekonomi global, manakala ekonomi negara maju beransur kukuh. Beberapa faktor telah menyumbang kepada pertumbuhan yang sederhana di negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun. Negara yang bergantung kepada eksport telah terjejas disebabkan permintaan yang lemah daripada ekonomi maju, terutamanya Kesatuan Eropah (EU) yang masih mengalami kemelesetan ekonomi yang berpanjangan. Kebanyakan pasaran membangun yang berkembang pesat seperti Brazil, China dan India mengalami lonjakan kredit, menyebabkan inflasi yang tinggi dan peningkatan kadar faedah yang melembapkan pelaburan dan pertumbuhan ekonomi. Pengeksport komoditi yang sebelum ini mendapat faedah daripada terma perdagangan yang menguntungkan terjejas disebabkan penurunan harga bahan mentah. Ekonomi China berkembang pada kadar sederhana susulan penurunan eksport kesan daripada perubahan dasar ke arah pembangunan yang lebih seimbang dan mampan. Pertumbuhan ekonomi di China yang lebih perlahan memberi kesan yang besar terhadap ekonomi global, terutamanya pengeksport komoditi seperti Australia dan Brazil. Ekonomi India mengalami penurunan ketara disebabkan pengaliran keluar modal yang besar sejak Mei, lalu mendorong kepada kejatuhan nilai mata wang yang mendadak.

Di Amerika Syarikat (AS), walaupun langkah konsolidasi fiskal memberi kesan yang negatif, permintaan swasta yang disokong oleh dasar monetari yang akomodatif telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Aktiviti ekonomi di Jepun pula beransur pulih kesan daripada langkah kelonggaran kewangan dan rangsangan fiskal Abenomics yang bertujuan menamatkan deflasi dan menjana pertumbuhan. Pertumbuhan di kawasan euro kekal lembap, walaupun perbandingan KDNK suku tahun menunjukkan pertumbuhan positif dalam suku tahun kedua 2013 selepas mengalami kemelesetan ekonomi selama enam suku tahun berturut-turut. Kawasan euro terus terjejas akibat kadar pengangguran yang tinggi dan beban hutang sektor awam serta swasta yang mengekang pemberian pinjaman lalu menggugat pertumbuhan ekonomi.

Aktiviti ekonomi global dijangka meningkat dengan sederhana dalam tempoh separuh kedua 2013 dengan pertumbuhan tahunan dianggarkan 2.9%. Pertumbuhan global akan terus didorong oleh perkembangan ekonomi di negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun, disokong oleh pengukuhan ekonomi di negara maju terutamanya di AS, di mana aktiviti ekonomi dijangka lebih pesat berikutan pengurangan konsolidasi fiskal dan persekitaran monetari yang menggalakkan. Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko yang menjejaskan pertumbuhan termasuk pengurangan pelonggaran kuantitatif (QE) di AS dan pulangan jangka panjang lebih tinggi yang boleh menyebabkan peningkatan pengaliran keluar modal dan masalah imbalan pembayaran di beberapa pasaran membangun yang berkembang pesat. Tambahan pula, ketidaktentuan bajet AS dan peningkatan siling hutang boleh menjejaskan pertumbuhan

ekonomi global. Kelemahan sistem kewangan di kawasan euro dan beban hutang awam yang tinggi di ekonomi maju utama boleh menggugat prospek pertumbuhan. Konsolidasi fiskal dan pembaharuan struktur yang masih belum memadai di Jepun serta perkembangan ekonomi sederhana yang berterusan di China berikutan langkah pelarasan ke arah pertumbuhan berkualiti yang mampan turut merupakan risiko yang menjejaskan pertumbuhan. Selain itu, ketegangan politik yang berlarutan di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA) boleh mengganggu pengeluaran minyak mentah.

JADUAL 2.1

**Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)
Benar bagi Negara Terpilih
2012 – 2014**

	Perubahan (%)		
	2012	2013 ¹	2014 ²
Dunia	3.2	2.9	3.6
Negara maju	1.5	1.2	2.0
Amerika Syarikat	2.8	1.6	2.6
Kawasan euro	-0.6	-0.4	1.0
Jepun	2.0	2.0	1.2
Negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun	4.9	4.5	5.1
China	7.7	7.6	7.3
Republik Korea	2.0	2.8	3.7
India	3.2	3.8	5.1
ASEAN			
Singapura	1.3	3.5	3.4
Thailand	6.5	3.1	5.2
Indonesia	6.2	5.3	5.5
Filipina	6.8	6.8	6.0
Viet Nam	5.2	5.3	5.4
Malaysia	5.6	4.5 – 5.0	5.0 – 5.5

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa dan pihak berkuasa negara.

Prestasi Ekonomi Global

Pertumbuhan perlahan di ekonomi membangun yang berkembang pesat

Ekonomi **AS** berkembang pada kadar sederhana sebanyak 1.3% dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 3.1%). Pengurangan perbelanjaan kerajaan, termasuk pemotongan bajet di semua peringkat mulai Mac 2013 telah membantutkan pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pengguna yang kukuh, peningkatan dalam pelaburan swasta, keadaan pasaran buruh bertambah baik serta lonjakan dalam pasaran perumahan telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Perbelanjaan penggunaan individu terus berkembang 1.9% (Januari – Jun 2012: 2.3%), didorong oleh penambahan kekayaan bersih isi rumah berikutan peningkatan nilai pasaran saham dan perumahan, walaupun kadar cukai pendapatan dinaikkan sejak Januari 2013. Pelaburan swasta terutamanya harta tanah kediaman kekal tinggi, meningkat 13.9% (Januari – Jun 2012: 11.2%). Sektor perumahan telah pulih ketara dengan S&P 20-City Composite Index meningkat mendadak sebanyak 12.4% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2013. Penunjuk perumahan lain seperti pengeluaran permit pembinaan, unit mula dibina dan penjualan rumah baharu terus mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 22.5%, 24.9% dan 23.3% (Januari – Julai 2012: 30.4%; 25.3%; 20.1%). Kadar pengangguran telah beransur turun daripada tahap tinggi sebanyak 10% pada Oktober 2009 kepada 7.3% pada Ogos 2013, khususnya kerana pewujudan pekerjaan di sektor swasta dan bilangan pencari kerja yang berkurangan.

Penunjuk penawaran agak memberangsangkan dengan Indeks Pengurus Pembelian (PMI) bagi aktiviti pembuatan meningkat kepada 55.7 mata pada Ogos 2013 (Ogos 2012: 50.7 mata), sementara PMI bukan pembuatan juga naik kepada 58.6 mata (Ogos 2012: 54.3 mata). Jualan runcit meningkat pada kadar yang perlahan, iaitu 4.5% (Januari – Julai 2012: 5.5%) disokong oleh jualan kenderaan dan alat ganti yang kukuh.

Inflasi menurun kepada 1.6% dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: 2.2%) disebabkan oleh penurunan harga petrol.

Dalam usaha untuk terus menyokong pemulihan ekonomi, dasar monetari yang akomodatif telah dilaksanakan oleh Rizab Persekutuan AS (Fed) dengan penetapan kadar faedah menghampiri sifar yang ditetapkan sejak Disember 2008. Berikutan ekonomi yang bertambah baik, pada Jun 2013, Fed telah mengumumkan kemungkinan untuk mengurangkan pembelian aset di bawah program QE pusingan ketiga menjelang akhir 2013 dengan syarat pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Susulan pengumuman tersebut, pulangan bon kerajaan telah meningkat melebihi 80 mata asas pada awal September berikutan permintaan yang tinggi daripada pelabur.

Pertumbuhan keseluruhan tahunan diunjur rendah kepada 1.6% (2012: 2.8%) disokong oleh dasar monetari yang akomodatif serta peningkatan pasaran perumahan dan buruh. Walau bagaimanapun, konsolidasi fiskal yang berterusan, penutupan sementara Kerajaan Persekutuan pada Oktober berikutan kebuntuan politik mengenai bajet bagi tahun fiskal baharu dan kenaikan siling hutang terus menjadi risiko yang menjejaskan pertumbuhan ekonomi.

Di **kawasan euro**, KDNK terus merosot 0.8% dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: -0.3%). Aktiviti ekonomi terus dikekang oleh pelaksanaan konsolidasi fiskal, kelemahan dalam sistem kewangan dan ketidaktentuan dasar. Pelaburan swasta jatuh 4.6% (Januari – Jun 2012: -1.1%) menggambarkan permintaan yang lemah dan penawaran kredit yang ketat di beberapa negara ahli. Perbelanjaan isi rumah dan kerajaan juga turun 1% dan 0.1% (Januari – Jun 2012: -0.2%, 0.2%). Jerman, ekonomi terbesar di kawasan euro mencatatkan pertumbuhan marginal sebanyak 0.1% sementara Perancis menyusut 0.1%. Selain itu, Greece dan Portugal mengalami penyusutan 5.1% dan 3.1% (Januari – Jun 2012: -6.4%; -2.8%). Kadar pengangguran kekal pada paras yang tinggi dengan purata 12.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2013 (Januari –

Julai 2012: 11.5%). Austria mencatatkan kadar pengangguran yang paling rendah sebanyak 4.8%, sementara Sepanyol dan Greece mencatatkan kadar yang lebih tinggi sebanyak 26.3% dan 27.6%. Inflasi kekal rendah pada paras 1.3% pada Ogos (Ogos 2012: 2.6%), terutamanya disebabkan oleh penurunan harga tenaga. Pada September 2013, European Central Bank telah mengekalkan kadar faedah bagi operasi pembiayaan semula dan kadar simpanan semalaman pada 0.50% dan 0%. Kadar ini bertujuan mewujudkan keadaan pasaran kewangan yang stabil bagi membantu pemulihan aktiviti ekonomi secara beransur-ansur yang dijangka kekal rendah pada 2014. Pada 2013, KDNK di kawasan euro dijangka terus menyusut 0.4% (2012: -0.6%).

JADUAL 2.2

Kadar Inflasi bagi Negara Terpilih 2012 – 2013

	Perubahan (%)	
	2012	2013 ¹
Dunia	4.0	3.8
Negara maju	2.0	1.4
Amerika Syarikat	2.1	1.4
Kawasan euro	2.5	1.5
Jepun	0.0	0.0
Negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun	6.1	6.2
China	2.6	2.7
Republik Korea	2.2	1.4
India	10.4	10.9
ASEAN		
Singapura	4.6	2.3
Thailand	3.0	2.2
Indonesia	4.3	7.3
Filipina	3.2	2.8
Viet Nam	9.1	8.8
Malaysia	1.6	2.0 – 2.5

¹ Unjuran.

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa dan pihak berkuasa negara.

KDNK **Jerman** berkembang perlahan sebanyak 0.1% (Januari – Jun 2012: 1.1%) disebabkan prestasi yang lemah pada suku tahun pertama, iaitu -0.3% kesan daripada musim sejuk ekstrem yang telah menjejaskan aktiviti ekonomi, khususnya sektor pembinaan. Walau bagaimanapun, aktiviti ekonomi beransur pulih dalam suku tahun kedua disokong oleh peningkatan pelaburan modal dan penggunaan yang lebih tinggi. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2013, eksport menyusut dengan ketara sebanyak 0.5% (Januari – Julai 2012: 5.4%) berikutan permintaan luar yang lemah lalu menjejaskan ekonomi Jerman yang berorientasikan eksport. Import menguncup 1.3% (Januari – Julai 2012: 2.3%), terutamanya disebabkan oleh aktiviti pembinaan dan keluaran perindustrian yang merosot. Kadar pengangguran di Jerman adalah antara yang terendah di kawasan euro, menurun secara marginal kepada 5.3% (Ogos 2012: 5.5%) walaupun mengalami pertumbuhan yang perlahan. Antara faktor yang menyumbang kepada kadar pengangguran yang rendah termasuk sistem dwi-pendidikan yang memberi peluang kepada golongan belia untuk mempelajari kemahiran teknikal sebelum memulakan kerjaya pertama. Inflasi menurun secara perlahan pada kadar 1.6% (Ogos 2012: 2.2%) berikutan harga tenaga yang lebih rendah. Pada 2013, ekonomi Jerman dijangka berkembang 0.5% (2012: 0.9%).

Di **Perancis** pertumbuhan menguncup 0.1% (Januari – Jun 2012: 0.3%) berikutan pengurangan penggunaan isi rumah dan pelaburan yang rendah. Eksport berkembang pada kadar perlahan 1% (Januari – Jun 2012: 4.4%) disokong oleh jualan peralatan pengangkutan. Import merosot 0.7% (Januari – Jun 2012: 0.9%) lantaran pembelian tenaga dan barangan pembuatan yang rendah. Kadar pengangguran meningkat kepada 11% (Julai 2012: 10.2%) walaupun pelbagai langkah telah dilaksanakan oleh kerajaan, termasuk kontrak pekerjaan yang disubsidi kerajaan. Sementara itu, inflasi lebih rendah pada 0.9% (Ogos 2012: 2.1%) didorong oleh kejatuhan harga produk petroleum dan perubatan serta caj perkhidmatan pengangkutan dan komunikasi. Pertumbuhan keseluruhan bagi 2013 dijangka berkembang 0.2% (2012: 0%).

Ekonomi **UK** kembali pulih dengan mencatatkan pertumbuhan 0.8% (Januari – Jun 2012: 0.5%) disokong oleh pertumbuhan sektor perkhidmatan yang kukuh pada 1.7% (Januari – Jun 2012: 1.4%). Kenaikan tersebut dipacu oleh subsektor pengedaran, hotel dan katering (3.2%) serta perkhidmatan perniagaan dan kewangan (1.7%). Permintaan pengguna yang lebih tinggi serta peningkatan dalam pelaburan awam dan swasta juga menyumbang kepada pertumbuhan. Pada Ogos, inflasi meningkat 2.7% (Ogos 2012: 2.5%) berikutan peningkatan harga petrol dan diesel. Bank of England mengekalkan kadar faedah pada 0.50% sejak Mac 2009 dan dijangka tidak menaikkan kadar tersebut sehingga kadar pengangguran berada di bawah paras 7%. Pada Ogos 2013, kadar pengangguran adalah pada paras 7.7%. Pertumbuhan KDNK UK diunjur 1.4% pada 2013 (2012: 0.2%).

KDNK **Jepun** berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.6% dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 3.6%). Pertumbuhan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kelembapan pelaburan swasta yang menguncup 4.9% (Januari – Jun 2012: 7.2%) dipengaruhi oleh keyakinan perniagaan yang terjejas akibat permintaan luar yang lemah. Sebaliknya, pelaburan awam berkembang 12.1% (Januari – Jun 2012: 7.5%), terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam perbelanjaan rangsangan dan pembinaan semula. Penggunaan swasta berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 1.5% (Januari – Jun 2012: 3.6%) berikutan ketidakpastian prospek ekonomi meskipun pengumuman kenaikan cukai jualan daripada 5% kepada 8% pada 2014. Walaupun nilai yen menyusut, eksport menguncup 1.8% (Januari – Jun 2012: 4.9%) disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah bagi peralatan elektrik, jentera am, barangan pembuatan serta kelengkapan pengangkutan dan kenderaan.

Dari segi penawaran, sektor pembuatan merosot 5.4% (Januari – Jun 2012: 7%) disebabkan pengurangan pengeluaran oleh syarikat berikutan permintaan yang lemah. Penurunan ini ditunjukkan

oleh PMI pembuatan pada purata 50.3 mata (Januari – Jun 2012: 50.6 mata). Subsektor borong dan runcit merosot 0.4% (Januari – Jun 2012: 0.5%), terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam jualan kenderaan bermotor, perabot dan perhiasan rumah serta produk pertanian dan akuatik. Kadar pengangguran menurun kepada 4.1% (Ogos 2012: 4.2%) disebabkan pasaran buruh yang semakin beransur pulih. Inflasi meningkat kepada 0.9% (Ogos 2012: -0.4%) khususnya disebabkan oleh peningkatan harga tenaga yang diimport serta pengangkutan dan komunikasi. Bank of Japan (BOJ) terus mengekalkan kadar dasar antara 0% dan 0.10% bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan sejak 2009. Pada Disember 2012, kerajaan telah memperkenalkan Abenomics yang merangkumi tiga elemen: dasar fiskal yang fleksibel; pelonggaran dasar monetari; dan pembaharuan struktur. Abenomics bertujuan untuk menamatkan deflasi, meningkatkan pertumbuhan dan mengurangkan hutang kerajaan yang tinggi. Pada April 2013, BOJ memperkenalkan dasar pelonggaran monetari yang bertujuan untuk menyasarkan inflasi kepada 2% dan meningkatkan bekalan wang dari JPY138 trilion pada akhir 2012 kepada JPY270 trilion pada akhir 2014. KDNK Jepun dijangka kekal 2% pada 2013 (2012: 2%).

KDNK di **China** meningkat dengan sederhana sebanyak 7.6% (Januari – Jun 2012: 7.8%) berikutan penstrukturan semula dan transformasi ekonominya sejak 2008 ke arah pertumbuhan yang lebih seimbang dan mampan serta mengurangkan kebergantungan terhadap eksport dan pelaburan. Pelaburan aset tetap meningkat pada kadar marginal iaitu 20.1% (Januari – Jun 2012: 20.4%) disokong oleh pelaburan swasta dalam sektor hartanah yang meningkat 20.3%. Eksport meningkat 9.5% (Januari – Julai 2012: 7.8%) manakala import berkembang 7.3% (Januari – Julai 2012: 6.4%).

Penunjuk penawaran turut menunjukkan kadar pertumbuhan yang sederhana. Pengeluaran industri mengalami pertumbuhan sederhana pada

9.4% (Januari – Julai 2012: 10.3%), terutamanya disebabkan penurunan dalam sektor pembuatan khususnya bagi peralatan rel, pembinaan kapal laut, aero angkasa dan pengangkutan lain serta tekstil. Sementara itu, pertumbuhan perlahan dalam sektor ini ditunjukkan oleh peningkatan kecil PMI pembuatan dengan purata 50.5 mata (Januari – Jun 2012: 51.4 mata) yang terjejas oleh permintaan luar negara yang rendah. Jualan runcit turut mengalami kadar pertumbuhan yang perlahan kepada 12.8% (Januari – Julai 2012: 14.2%) berikutan jualan rendah bagi peralatan komunikasi, kelengkapan pejabat serta produk petroleum dan yang berkaitan. Inflasi telah berkurang kepada 2.5% (Januari – Julai 2012: 3.1%), terutamanya disebabkan oleh harga komoditi global yang lebih rendah dan kapasiti pengeluaran berlebihan. The People's Bank of China telah mengekalkan kadar dasarnya pada 6.00% sejak Julai 2012. KDNK China dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 7.6% pada 2013 (2012: 7.7%).

KDNK **Republik Korea (ROK)** mengalami pertumbuhan perlahan sebanyak 1.9% dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 2.6%) disebabkan oleh pelaburan swasta yang rendah, hutang isi rumah yang tinggi dan prestasi eksport yang lemah. Walaupun eksport kapal dan besi keluli rendah, eksport keseluruhan berkembang 0.6% (Januari – Jun 2012: 0.7%) sebahagian besarnya disumbang oleh jualan peralatan komunikasi tanpa wayar yang tinggi dan peningkatan permintaan daripada negara Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan China. Penggunaan swasta juga meningkat secara marginal, iaitu 1.6% (Januari – Jun 2012: 1.2%) disebabkan peningkatan kecil penggunaan isi rumah. Keyakinan pengguna bertambah baik seperti yang ditunjuk oleh indeks sentimen pengguna yang meningkat pada purata 103.2 mata (Januari – Jun 2012: 102.5 mata). Walau bagaimanapun, pelaburan swasta terutamanya dalam pembesaran kilang dan peralatan pengangkutan, menguncup dengan ketara sebanyak 8.5% (Januari – Jun 2012: 2.3%). Sektor pembuatan berkembang dengan perlahan sebanyak 1.6% (Januari – Jun 2012: 3.4%)

disebabkan pengurangan dalam pengeluaran industri pembinaan dan telekomunikasi. Subsektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel mengalami pertumbuhan sederhana pada 1.7% (Januari – Jun 2012: 2.5%) disokong oleh langkah fiskal untuk menstabilkan harga pengguna, walaupun dikekang oleh hutang isi rumah yang tinggi dan prospek ekonomi yang lemah. Inflasi berkembang secara marginal kepada 1.4% (Julai 2012: 1.5%) berikutan penurunan harga tenaga, pakaian, makanan dan minuman bukan alkohol. Kadar pengangguran berada pada paras yang stabil, iaitu 3.1% (Ogos 2012: 3.1%) disokong oleh peningkatan peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan kesihatan dan kebajikan sosial. Pakej rangsangan tambahan sebanyak USD15.4 bilion diperkenalkan oleh kerajaan pada April dan 60% daripada peruntukan bajet utama digunakan dalam tempoh separuh pertama 2013. Langkah ini dijangka mengatasi kekurangan hasil kerajaan, membantu syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan memperbaiki keadaan pasaran hartanah yang lembap. Bank of Korea terus mengekalkan kadar dasar pada 2.50% sejak Mei 2013 untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan ROK bagi 2013 dijangka berkembang sederhana pada 2.8% (2012: 2%).

India mencatatkan pertumbuhan yang perlahan sebanyak 4.6% dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 5.2%), terutamanya disebabkan oleh permintaan domestik yang lemah berikutan langkah kewangan yang ketat serta prestasi sektor perlombongan dan pembuatan yang kurang memberangsangkan. Tambahan pula, peningkatan defisit luar dan fiskal yang ketara berikutan penyusutan mendadak nilai rupee terus menjejaskan pertumbuhan. Perbelanjaan penggunaan swasta dan pembentukan modal tetap kasar lebih rendah pada kadar 2.7% dan 1.2% (Januari – Jun 2012: 7.5%; 3.6%) berikutan syarat kredit yang lebih ketat serta sentimen pengguna dan keyakinan perniagaan yang lemah. Sektor pembuatan mencatatkan pertumbuhan kecil 0.8% (Januari – Jun 2012: -0.4%) namun dijangka terus pulih disebabkan oleh peningkatan pengeluaran perindustrian yang meningkat 2.6% pada Julai.

Sementara itu, aktiviti perlombongan menguncup 2.9% (Januari – Jun 2012: 2.9%), terutamanya disebabkan oleh pengeluaran arang batu yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi disokong oleh pengembangan kukuh subsektor perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan yang meningkat 9%; serta subsektor komuniti, perkhidmatan sosial dan peribadi sebanyak 6.5%. Permintaan global yang lemah turut menjejaskan prestasi eksport India yang merosot 0.9% (Januari – Jun 2012: 8.1%). Walau bagaimanapun, usaha kerajaan India untuk mengurangkan import, terutamanya dengan menaikkan cukai import emas, termasuk mewajibkan sekurang-kurangnya 20% daripada emas import untuk dieksport semula; rasionalisasi subsidi bahan api yang berterusan dan peningkatan hasil eksport pada Julai, dijangka terus mengurangkan defisit akaun semasa dan menyokong pertumbuhan.

Inflasi yang diukur oleh indeks harga borong mula menunjukkan trend meningkat pada Ogos 2013 sebanyak 6.1% selepas mendatar dalam tempoh separuh pertama 2013 sebanyak 5.8% (Januari – Jun 2012: 7.5%). Inflasi disebabkan oleh peningkatan mendadak harga makanan dan bahan api serta penyusutan nilai rupee. Sejak Mei 2013, Reserve Bank of India (RBI) telah mengumumkan satu siri langkah bagi membendung penyusutan nilai rupee daripada berterusan dan peningkatan defisit akaun semasa. Pada Julai, RBI memulakan lelongan sekuriti kerajaan; menaikkan kadar faedah jangka pendek bagi bank tempatan; dan mengurangkan jumlah dana di bawah fasiliti pelarasan mudah tunai RBI. Pada Ogos, RBI telah mengambil beberapa langkah selanjutnya untuk menarik aliran masuk modal dan membendung aliran keluar melalui liberalisasi pinjaman komersial luar dan menggalakkan skim deposit bukan pemastautin serta mengenakan kawalan modal untuk menyekat aliran keluar oleh residen. Dalam usaha terbaru untuk mengekang inflasi, RBI telah menaikkan kadar dasar utama sebanyak 25 mata asas kepada 7.50% pada September 2013, yang merupakan semakan keempat sejak Januari 2013. Dalam usaha untuk meningkatkan pelaburan,

kerajaan melonggarkan had pelaburan asing dalam beberapa sektor, termasuk telekomunikasi, insurans dan pertahanan. Pada 2013, pertumbuhan India dijangka meningkat 3.8% (2012: 3.2%) disokong oleh pengeluaran pertanian yang tinggi berikutan hujan yang mencukupi daripada Monsun Barat Daya yang bermula pada Jun.

Australia mencatatkan pertumbuhan yang sederhana sebanyak 2.6% dalam tempoh separuh pertama 2013 (2012: 4%) disebabkan oleh kelembapan yang ketara dalam permintaan domestik, terutamanya pelaburan yang lebih lemah dalam sektor perlombongan. Walaupun dalam persekitaran dasar monetari yang menggalakkan, penggunaan swasta berkembang pada kadar yang lebih perlahan berikutan sentimen pengguna yang lemah. Sentimen ini telah mendorong peningkatan simpanan isi rumah sebanyak 10.7% dalam tempoh separuh pertama 2013 yang mencerminkan sikap berhati-hati dan kesedaran pengguna untuk menabung dan membayar hutang. Pertumbuhan lemah dalam sektor perlombongan disebabkan oleh kejatuhan harga komoditi dan permintaan sumber asli yang berkurangan, terutamanya bijih besi dari China. Pertumbuhan dalam sektor pembuatan dan pembinaan merosot, manakala keluaran pertanian seperti daging, produk tenusu dan wain meningkat. Kadar pengangguran meningkat kepada 5.6% pada September (September 2012: 5.4%) berikutan pengurangan pekerjaan dalam sektor pembuatan, perlombongan dan pembinaan. Inflasi meningkat kepada 2.4% dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 1.4%) dan dijangka kekal dalam sasaran antara 2% dan 3% yang ditetapkan oleh Reserve Bank of Australia (RBA). RBA telah menurunkan kadar dasar utamanya secara berperingkat sejak November 2011 sebanyak 225 mata asas kepada 2.50% pada Oktober 2013 yang bertujuan menyusutkan nilai dolar Australia yang kukuh. Tindakan ini bertujuan untuk terus meningkatkan pendapatan eksport dan daya saing ekonomi dalam negeri. KDNK Australia dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu 2.5% pada 2013 (2012: 3.7%) dipengaruhi sebahagian besarnya oleh kemerosotan prestasi sektor perlombongan.

New Zealand mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 2.6% dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 4.5%) berikutan musim kemarau ekstrem yang menjejaskan keluaran pertanian dan pemprosesan produk asas. Pertumbuhan sektor pertanian merosot 3.4% (Januari – Jun 2012: 15.1%), manakala sektor pembuatan meningkat sederhana sebanyak 1.1% (Januari – Jun 2012: 3.8%), terutamanya disebabkan oleh pengeluaran benang bulu biri-biri, susu dan produk tenusu lain yang lebih rendah. Sektor perdagangan runcit mengekalkan momentum pertumbuhan pada 4% (Januari – Jun 2012: 4.1%) sebahagian besarnya disebabkan oleh sentimen pengguna yang bertambah baik dan peningkatan jualan bahan pembinaan, yang mencerminkan pemulihan semula pasaran harta tanah kediaman dan pembinaan semula di rantau Canterbury. Sektor pelancongan berkembang dengan pesat berikutan peningkatan ketibaan pelancong antarabangsa sebanyak 5.8% (Januari – Julai 2012: 2.3%) dalam tempoh tujuh bulan pertama 2013, turut dijangka menyokong pertumbuhan. Dalam tempoh separuh pertama 2013, kadar pengangguran adalah 6.3% dan dijangka pulih berikutan usaha pembinaan semula selepas kejadian gempa bumi. Inflasi dijangka meningkat sedikit dan kekal dalam lingkungan 1% hingga 3% (2012: 1.1%) berikutan peningkatan permintaan domestik dan import bahan binaan. Sementara itu, usaha konsolidasi fiskal yang menyebabkan perbelanjaan kerajaan terus merosot dijangka memberi impak kepada pertumbuhan. Pada September 2013, Reserve Bank of New Zealand telah mengekalkan kadar dasar pada 2.50% untuk menggalakkan pembinaan kediaman dan mengekang kenaikan harga rumah yang semakin tinggi di Auckland dan rantau Canterbury. Pada 2013, KDNK New Zealand dijangka berkembang 2.5% (2012: 2.7%) disokong oleh permintaan domestik yang bertambah baik dan aktiviti pembinaan yang terus rancak.

Dalam tempoh separuh pertama 2013, ekonomi ASEAN mencatatkan pertumbuhan sederhana, disumbang oleh permintaan domestik yang kukuh, terutamanya di Filipina, Indonesia dan Malaysia. Pertumbuhan KDNK **Indonesia** kekal

kukuh, walaupun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 5.9% (Januari – Jun 2012: 6.3%), terutamanya disokong oleh industri pengangkutan dan komunikasi serta perdagangan, hotel dan restoran yang meningkat 10.7% dan 6.5%. Sementara itu, sektor pembuatan yang berkembang 5.9% juga terus menyokong pertumbuhan. Pada Ogos, inflasi meningkat kepada 8.8% (Ogos 2012: 4.6%), merekod paras tertinggi sejak lebih empat tahun, disebabkan oleh kenaikan harga petrol dan diesel sebanyak 44% dan 22% berikutan pengurangan subsidi bahan api. Bagi menangani kenaikan mendadak inflasi, Indonesia telah meningkatkan import makanan dan memansuhkan kuota import ke atas produk seperti daging lembu dan kacang soya. Sehingga September 2013, Bank Indonesia telah menaikkan kadar dasar sebanyak empat kali sejak Jun 2013 dengan jumlah 150 mata asas kepada 7.25%. Pertumbuhan Indonesia bagi 2013 dijangka sebanyak 5.3% (2012: 6.2%).

Ekonomi **Filipina** berkembang 7.6% (Januari – Jun 2012: 6.3%) dalam tempoh separuh pertama 2013 didorong oleh sektor perkhidmatan dan industri yang meningkat 7.2% dan 10.6%. Sektor industri disokong oleh kenaikan pesat subsektor pembuatan dan pembinaan yang meningkat sebanyak 10% dan 25%. Dari sudut permintaan, pertumbuhan disumbang terutamanya oleh perbelanjaan pengguna dan awam yang disokong oleh peningkatan pelaburan modal tetap. Inflasi adalah pada kadar paling rendah sejak Ogos 2009 iaitu 2.1% (Ogos 2012: 3.8%), terutamanya disebabkan oleh penurunan indeks harga perumahan, air, elektrik, dan gas. Berikutan inflasi yang stabil dan pertumbuhan kukuh, Banko Sentral ng Pilipinas mengekalkan kadar asas kepada 3.50% sejak Oktober 2012. Pertumbuhan ekonomi Filipina dijangka kekal 6.8% pada 2013 (2012: 6.8%).

Thailand mencatatkan pertumbuhan ketara sebanyak 4.1% (Januari – Jun 2012: 2.3%) didorong oleh permintaan domestik. Perbelanjaan isi rumah dan pelaburan meningkat 3.4% dan 5.1%. Walau bagaimanapun, inflasi menunjukkan trend penurunan kepada 1.6% (Ogos 2012: 2.7%) disebabkan pengurangan harga makanan dan

minuman bukan alkohol. Bermula September 2013, kadar inflasi dijangka meningkat akibat kenaikan caj elektrik, tol dan harga gas memasak. Bank of Thailand terus mengekalkan kadar dasar pada 2.50% sejak Mei 2013 sebagai langkah untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan keseluruhan 2013 dijangka perlahan pada 3.1% (2012: 6.5%).

KDNK **Singapura** kekal stabil pada 2% (Januari – Jun 2012: 1.8%) sebahagian besar disumbang oleh sektor pembinaan yang kukuh; perdagangan borong dan runcit; pengangkutan dan penyimpanan; serta kewangan dan insurans. Sektor pembinaan yang berkembang 5.5% (Januari – Jun 2012: 6.1%) didorong oleh pembinaan perumahan awam dan infrastruktur yang lebih rancak serta beberapa projek utama seperti Sports Hub, Orchard Gateway dan Westgate. Subsektor perdagangan borong dan runcit berkembang 2.9% (Januari – Jun 2012: -0.4%) disebabkan oleh pengembangan segmen perdagangan borong, yang disokong oleh peningkatan eksport semula produk elektronik. Sementara itu, sektor pembuatan merosot dengan ketara pada 3.3% (Januari – Jun 2012: 1.8%) mencerminkan penguncupan keluaran sektor pembuatan bagi kluster bioperubatan dan kejuruteraan pengangkutan. Pada Ogos 2013, inflasi menyusut 2% (Ogos 2012: 3.9%) disebabkan harga kereta dan pasaran penyewaan rumah yang lebih rendah. Pertumbuhan keseluruhan bagi 2013 dijangka lebih tinggi pada 3.5% (2012: 1.3%).

Ekonomi **Viet Nam** berkembang 4.9% dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 4.8%) berikutan peningkatan sederhana dalam sektor utama. Sektor perkhidmatan yang menyumbang 43.1% kepada ekonomi berkembang 5.9%, manakala sektor industri dan pembinaan meningkat 5.2%, serta sektor pertanian sebanyak 2.1%. Eksport yang sebahagian besarnya disumbang oleh hasil pengeluaran daripada pelaburan asing berkembang perlahan sebanyak 16.1% (Januari – Jun 2012: 23%). Telefon bimbit dan alat ganti adalah produk eksport terbesar mengatasi eksport tradisional seperti minyak mentah, pakaian dan kasut. Pada Ogos, inflasi

meningkat kepada 7.5% (Ogos 2012: 5%) disebabkan peningkatan kos penjagaan kesihatan serta harga bahan makanan dan pengangkutan. Hasil daripada penstrukturan semula sektor kewangan pada Mei 2013, State Bank of Viet Nam telah menurunkan kadar dasar kepada 7.00% dalam usaha menyokong pertumbuhan. Pengurangan kadar ini adalah yang kelapan sejak Mac 2012 yang berada pada paras 15.00%. Bagi 2013, pertumbuhan Viet Nam dijangka meningkat secara marginal pada 5.3% (2012: 5.2%).

Pertumbuhan di **Kemboja** dianggar sebanyak 7% pada 2013 (2012: 7.3%) didorong oleh jangkaan prestasi eksport yang lebih baik. Permintaan dari Eropah untuk pakaian dan kasut akan merangsang pertumbuhan ekonomi Kemboja, disokong oleh akses bebas cukai ke EU. Sementara itu, peningkatan pelaburan asing dijangka menambahkan kapasiti pengeluaran industri baharu termasuk pembuatan alat ganti automotif dan pemprosesan produk pertanian serta mempelbagaikan pengeluaran pakaian menjadi produk nilai tambah tinggi. Pada 2013, sektor industri dijangka berkembang 10.5%, sementara sektor perkhidmatan sebanyak 7%.

Ekonomi **Lao PDR** dijangka meningkat 8.3% pada 2013 (2012: 7.9%). Peningkatan ini disokong oleh pelaburan yang tinggi dalam tenaga hidro dan perlombongan, ditambah dengan pembinaan hotel, pejabat dan perumahan. Peningkatan industri pelancongan dan perkhidmatan lain termasuk perkhidmatan kewangan serta borong dan runcit juga dijangka menyokong pertumbuhan. Pada 2013, KDNK **Myanmar** dan **Brunei Darussalam** dijangka berkembang 6.8% dan 1.4% (2012: 6.4%; 0.9%). Pertumbuhan ekonomi Myanmar akan dirangsang oleh peningkatan eksport gas, peluasan akses ke pasaran antarabangsa dan perkembangan ekonomi positif di pasaran eksport utama. Sementara itu, Brunei Darussalam sedang memperluas asas ekonominya untuk memastikan pembangunan jangka panjang. Beberapa industri telah dikenal pasti untuk tujuan ini seperti pelancongan; perniagaan Islam termasuk produk halal dan perkhidmatan kewangan; serta perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi.

Pertumbuhan di rantau **MENA** dijangka berkembang sederhana sebanyak 2.1% pada 2013 (2012: 4.6%) disebabkan oleh pengurangan pengeluaran minyak sejajar dengan permintaan global yang sederhana serta gangguan bekalan minyak domestik. Ketidaktentuan politik yang berterusan dan pergolakan sosial, terutamanya di Iran, Iraq, Libya, Mesir dan Syria dijangka turut memberi kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi.

Ekonomi **negara pengeksport minyak** termasuk Arab Saudi, Iraq dan Qatar dijangka berkembang dengan lebih perlahan pada kadar 1.9% (2012: 5.4%). Arab Saudi dijangka mencatatkan pertumbuhan sederhana pada 3.6% (2012: 5.1%), terutamanya disebabkan oleh permintaan rendah eksport minyak, mendorong kepada pengeluaran yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi Arab Saudi akan disokong oleh perbelanjaan berterusan kerajaan untuk kakitangan awam; pembinaan sekolah, hospital dan infrastruktur pengangkutan baharu; serta pembinaan rumah mampu milik. Pelaburan swasta dijangka kekal kukuh disumbang oleh beberapa projek petrokimia dan hiliran yang sedang dilaksanakan. Ekonomi Qatar juga dijangka berkembang sederhana sebanyak 5.1% (2013: 6.2%), sebahagiannya disebabkan harga minyak dan gas yang menyederhana, serta penyempurnaan projek pelaburan untuk meningkatkan kapasiti eksport gas yang terkini. Walau bagaimanapun, peningkatan pelaburan awam dalam perkhidmatan pendidikan, kesihatan dan pengangkutan akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi. Iraq dijangka mengalami pertumbuhan perlahan sebanyak 3.7% (2012: 8.4%) disebabkan oleh ketidakstabilan politik dan kemerosotan keadaan keselamatan berikutan pergolakan sosial, terutamanya di kawasan utama Baghdad. Walau bagaimanapun, Iraq dijangka menerima manfaat daripada peningkatan perbelanjaan kerajaan bertujuan menambah baik perkhidmatan asas kepada rakyat serta peningkatan pelaburan swasta berikutan kerja di medan minyak yang luas dan projek infrastruktur dipergiatkan. Inflasi negara pengeksport minyak dijangka meningkat secara beransur kepada 13.8% (2012: 11.4%) disebabkan harga makanan yang

lebih tinggi dan kenaikan kadar sewa rumah di beberapa negara Gulf Cooperation Council. Namun di Iran, kadar pertukaran nilai mata wang yang lebih rendah kesan daripada sekatan antarabangsa dan isu fiskal dijangka melonjakkan inflasi sebanyak 42.3% (2012: 30.5%).

Sementara itu, pertumbuhan ekonomi **negara pengimport minyak** termasuk Lebanon, Mesir dan Tunisia dijangka meningkat 2.8% (2012: 2%) berikutan pemulihan aktiviti pelancongan, eksport dan pelaburan langsung asing (FDI). Walau bagaimanapun, peningkatan limpahan negatif serantau, terutamanya dari Syria dan permintaan yang lemah daripada rakan dagangan, khususnya kawasan euro dijangka memperlambatkan pertumbuhan ekonomi. Mesir dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih rendah sebanyak 1.8% (2012: 2.2%) disebabkan oleh krisis peralihan politik yang berpanjangan serta peningkatan ketidakseimbangan fiskal dan luaran yang akan memudaratkan pelaburan, pelancongan dan pasaran tenaga kerja. Di Syria, pergolakan politik diikuti perang saudara menjejaskan pertumbuhan ekonomi dengan ketara. Ekonomi Syria dijangka terus menguncup, terutamanya disebabkan hasil pertanian yang rendah dan penurunan dalam pengeluaran minyak susulan sekatan antarabangsa dan kerosakan medan minyak. Syria turut mengalami permintaan domestik yang lemah berikutan migrasi pelarian Syria ke negara jiran. Antara negara pengimport minyak, Mauritania dijangka menerajui pertumbuhan ekonomi sebanyak 6.4% (2012: 6.9%) disumbang oleh peningkatan pelaburan dalam sektor perlombongan dan projek prasarana awam. Pertumbuhan ekonomi Maghribi dijangka meningkat 5.1% (2012: 2.7%) disebabkan pemulihan dalam pengeluaran pertanian yang terjejas akibat kemarau pada 2012. Pemulihan ekonomi dalam kawasan euro dijangka meningkatkan lagi prospek pertumbuhan, terutamanya dalam sektor pelancongan dan eksport yang banyak bergantung kepada permintaan dari Eropah. Inflasi dijangka meningkat, terutamanya di Jordan, Maghribi dan Tunisia berikutan pelaksanaan lebih banyak pemotongan subsidi oleh kerajaan untuk membendung defisit fiskal dan hutang yang besar.

Rantau **Sub-Sahara Afrika** dijangka meningkatkan momentum pertumbuhan ekonomi pada kadar 5% (2012: 4.9%), didorong oleh peningkatan penggunaan swasta dan pelaburan serta aktiviti pembinaan, pertanian dan perlombongan yang lebih cergas. Aktiviti pelaburan dijangka tertumpu kepada industri minyak dan perlombongan serta sektor infrastruktur, tenaga dan telekomunikasi. Di kawasan selatan Afrika, Mozambique dijangka menarik pelaburan yang didorong oleh penemuan simpanan arang batu yang banyak dan gas di luar pesisir; sementara itu, di Zambia, pelaburan dijangka terus meningkat dalam sektor tembaga. Industri perlombongan yang berkembang pesat, terutamanya minyak di Niger dan bijih besi di Sierra Leone juga dijangka menyumbang kepada pertumbuhan. Sektor pembinaan juga dijangka kekal kukuh, terutamanya dengan pembangunan pusat kewangan di Angola dan pembinaan projek infrastruktur berskala besar di Côte d'Ivoire. Sektor pertanian dijangka beransur pulih di negara yang terjejas oleh kesan kemarau pada 2011 dan banjir pada 2012 meskipun beberapa bahagian di rantau Sahel masih menghadapi krisis kekurangan makanan dan nutrisi.

Inflasi dijangka lebih rendah pada 6.9% (2012: 9%) di kebanyakan negara, mencerminkan penyederhanaan harga komoditi dan cuaca yang lebih baik di wilayah timur dan barat yang menjurus kepada pengeluaran makanan. Tambahan pula, Ethiopia, Kenya dan Uganda telah menguatkuasakan dasar monetari yang lebih ketat untuk mengawal tekanan inflasi. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran yang tinggi, terutamanya dalam kalangan belia dijangka berterusan khususnya dalam sektor tidak formal dan pertanian yang dianggap kurang menarik.

Pada 2013, Nigeria dijangka mengalami pertumbuhan yang stabil sebanyak 6.2% (2012: 6.6%) berikutan kesan banjir pada 2012 yang menjejaskan sektor minyak dan bukan minyak yang semakin berkurangan. Pada Julai 2013, Nigeria menarik pelaburan sebanyak USD3 bilion dalam industri gula dan merupakan antara lima pengeksport utama di Afrika.

Selain itu, International Finance Corporation (IFC), sebuah agensi Kumpulan Bank Dunia (WBG) telah memberi komitmen pelaburan untuk pembaharuan sektor tenaga di Nigeria. Afrika Selatan, ekonomi terbesar di rantau ini dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2% (2012: 2.5%) berikutan rusuhan pekerja yang berterusan dalam sektor perlombongan, pelaburan dan penggunaan swasta yang lemah serta permintaan lebih rendah dari kawasan euro, yang merupakan destinasi utama eksport. Sierra Leone dijangka terus mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 13.3% (2012: 15.2%) disokong oleh pelaburan yang lebih tinggi dan peningkatan pengeluaran hasil pertanian, perlombongan serta aktiviti berkaitan pelancongan.

Pertumbuhan **Komanwel Negara Merdeka (CIS)** dijangka berkembang dengan perlahan iaitu 2.1% (2012: 3.4%), sejajar dengan pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan dan pelaburan domestik yang lemah. Pertumbuhan Rusia menurun dengan ketara dalam tempoh separuh pertama 2013 kepada 1.7% (Januari – Jun 2012: 4.3%) disebabkan penurunan eksport, terutamanya ke kawasan euro; keluaran perindustrian yang lemah; pelaburan yang berkurangan; penggunaan domestik yang semakin lemah; dan pengurangan perbelanjaan kerajaan. Eksport menguncup 2.9% (Januari – Julai 2012: 5.5%) disebabkan kejatuhan harga minyak dan permintaan pasaran eksport utama yang lembap. Kadar faedah yang tinggi telah mengekang pelaburan manakala inflasi telah menjejaskan permintaan pengguna. Perniagaan runcit menyusut antara 3% hingga 4% dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 7% hingga 8%). Inflasi meningkat kepada 6.5% pada Ogos 2013 (Ogos 2012: 5.9%) disebabkan kenaikan harga makanan dan masih melebihi julat sasaran Central Bank of the Russian Federation (CBR), iaitu antara 5% hingga 6%. Sehubungan dengan itu, CBR mengekalkan kadar dasar pada 8.25% sejak September 2012 untuk membendung tekanan inflasi. Sementara itu, kadar pengangguran berkurang sedikit kepada 5.6% (Januari – Julai 2012: 5.7%). Pada Jun 2013, kerajaan Rusia meluluskan satu pakej rangsangan bernilai USD14 bilion bagi pembiayaan projek

infrastruktur dan pemberian insentif cukai untuk PKS bagi menggiatkan pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi Rusia dijangka berkembang pada kadar lebih rendah 1.5% (2012: 3.4%) disebabkan oleh permintaan global yang lemah dan pelaburan yang lembap.

KDNK Kazakhstan bertambah 5.1% dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 5.5%), didorong oleh pelaburan yang lebih tinggi dan pelaksanaan dasar fiskal berkembang. Inflasi meningkat kepada 5.8% pada Ogos 2013 (Ogos 2012: 4.7%) menyebabkan National Bank of Kazakhstan mengekalkan kadar dasar pada 5.50% sejak Ogos 2012. Kazakhstan dijangka mendapat faedah daripada kemasukan ke Pertumbuhan Perdagangan Dunia pada akhir 2013. Pertumbuhan dijangka berkembang 5% pada 2013 (2012: 5.1%) disokong oleh peningkatan pengeluaran minyak dan aktiviti rancak dalam sektor perindustrian dan perkhidmatan. Di Ukraine, KDNK menguncup 1.2% dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 2.6%), terutamanya disebabkan eksport keluli yang rendah. Syarat monetari yang lebih ketat dan ketidakstabilan politik turut menjejaskan pertumbuhan. Keluaran perindustrian Ukraine merosot 5.3% (Januari – Jun 2012: 1.7%) disebabkan pasaran global yang tidak memberangsangkan. Inflasi kekal rendah pada kadar 0.2% dalam tempoh separuh pertama 2013 berikutan penurunan harga makanan. Ekonomi Ukraine dijangka berkembang 0.4% pada 2013 (2012: 0.2%).

Pertumbuhan KDNK di rantau **Amerika Latin dan Caribbean** dijangka berkembang lebih perlahan sebanyak 2.7% pada 2013 (2012: 2.9%) disebabkan ketidakstabilan ekonomi tempatan dan kemelesetan ekonomi global yang mengekang eksport. Brazil yang merupakan ekonomi terbesar di Amerika Latin, berkembang 1.6% dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 0.6%), terutamanya disokong oleh pelaksanaan rangsangan fiskal, penurunan import tarif untuk barangan terpilih dan program pemberian konsesi kepada syarikat swasta bagi pembinaan jalan raya, landasan kereta api, pelabuhan dan lapangan terbang. Walaupun keyakinan pelabur meningkat

sedikit pada Mei 2013 berikutan kejayaan menerbit ekuiti dan bon, pertumbuhan masih dipengaruhi oleh prospek ekonomi China yang lebih lemah dan rusuhan awam pada Jun dan Julai 2013. Eksport menguncup pada kadar yang lebih perlahan, iaitu 2.5% dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: -3.7%) berikutan penurunan nilai mata wang real yang menjadikan eksport lebih kompetitif, terutama sekali dalam industri automotif. Sementara itu, import melonjak 8.9% (Januari – Ogos 2012: 0.2%) disebabkan import minyak yang lebih tinggi. Inflasi meningkat daripada 5.2% pada Ogos 2012 kepada 6.1% pada Ogos 2013 kesan daripada: kenaikan harga bahan makanan, minyak dan kos pengangkutan; penurunan nilai real; dan pelaksanaan rangsangan fiskal kerajaan. Sehubungan dengan itu, Central Bank of Brazil (BCB) telah meningkatkan kadar dasar sejak September 2012 sebanyak 150 mata asas kepada 9.00% pada akhir Ogos 2013 untuk mengekang tekanan inflasi dan mengukuhkan keyakinan pelabur. Selain itu, BCB turut melaksanakan program swap mata wang USD60 bilion bagi memantapkan nilai real. Brazil dijangka mencatatkan pertumbuhan 2.5% pada 2013 (2012: 0.9%).

Pertumbuhan Mexico berkurang 1.2% dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 4.7%) akibat penurunan perbelanjaan kerajaan berikutan pertukaran pentadbiran; permintaan eksport yang lemah; dan penurunan perbelanjaan pengguna. Inflasi mencatatkan penurunan ke paras 3.5% pada Ogos 2013 (Ogos 2012: 4.6%), masih dalam lingkungan sasaran Banco de Mexico, iaitu antara 2% dan 4%, disebabkan oleh hasil pertanian yang lebih baik. Susulan itu, Banco de Mexico telah mengurangkan kadar dasar sebanyak tiga kali sejak Ogos 2012 sebanyak 75 mata kepada 3.75% pada September 2013. Kerajaan juga telah melancarkan pakej pembaharuan pada September 2013 yang merangkumi cukai ke atas minyak, keuntungan pasaran saham dan barangan bergula untuk mengurangkan jurang pendapatan dan meningkatkan kutipan hasil. KDNK Mexico dijangka meningkat pada kadar perlahan iaitu 1.2% pada 2013 (2012: 3.6%).

Aliran Pelaburan

FDI global menguncup dalam persekitaran yang tidak menentu

Aliran FDI global menguncup dengan mendadak sebanyak 18.2% kepada USD1.4 trilion pada 2012 (2011: 17.3%; USD1.7 trilion), penurunan pertama yang dicatat sejak krisis kewangan global 2008/09. Kemerosotan ini disebabkan oleh keyakinan pelabur yang terjejas berikutan prospek pertumbuhan yang lemah serta ketidaktentuan dasar dalam kalangan ekonomi utama. Pelupusan strategik oleh syarikat transnasional (TNC) utama turut menyumbang kepada kemerosotan yang ketara ini.

Pelaburan baharu serta penggabungan dan pengambilalihan (M&A) rentas sempadan dalam semua sektor ekonomi terjejas disebabkan oleh kemerosotan ekonomi global, terutamanya penularan krisis di kawasan euro pada 2012 dan pertumbuhan sederhana dalam ekonomi membangun yang berkembang pesat seperti China dan India. Pelaburan baharu dan M&A jatuh dengan ketara kepada 33% dan 44.5% (2011: 1.4%; 61.4%). Prestasi FDI mengikut sektor menunjukkan penguncupan ketara dalam sektor utama berikutan kemerosotan industri perlombongan, kuari dan petroleum akibat kejatuhan harga komoditi dan penurunan permintaan oleh ekonomi membangun. Sementara itu, FDI dalam industri pembuatan yang berkaitan dengan pemprosesan bahan perlombongan dan industri pengguna seperti kenderaan bermotor dan peralatan elektrik dan elektronik telah terjejas teruk. Walau bagaimanapun, FDI dalam sektor perkhidmatan menyusut sedikit disebabkan oleh pengukuhan industri strategik seperti perdagangan, perniagaan, pengangkutan dan penyimpanan serta perkhidmatan komunikasi.

Aliran masuk FDI merosot ke semua rantau dengan ekonomi maju mencatatkan penguncupan paling ketara 31.6% kepada USD561 bilion, diikuti oleh ekonomi peralihan (-9.3% kepada USD87 bilion) dan ekonomi membangun (-4.4% kepada USD703 bilion). Sungguhpun mencatatkan penurunan yang sedikit, aliran ke ekonomi

membangun yang merangkumi 52% daripada aliran masuk FDI global (2011: 44.5%) buat pertama kalinya mengatasi aliran ke ekonomi maju iaitu 41.5% (2011: 49.7%). Antara lima penerima FDI terbesar dunia, empat daripadanya adalah ekonomi membangun iaitu China (ke-2), Hong Kong (ke-3), Brazil (ke-4) dan Kepulauan Virgin British (ke-5). Sementara itu, dua ekonomi

membangun iaitu China (ke-3) dan Hong Kong (ke-4) merupakan antara sumber pelaburan asing terbesar di dunia. Penunjuk ini menggambarkan perubahan corak aliran pelaburan dunia.

Dalam kalangan rantau membangun, aliran masuk ke Asia serta Amerika Latin dan Caribbean kekal pada paras yang tinggi meskipun mencatatkan prestasi keseluruhan yang kurang memberangsangkan. Aliran masuk ke Asia merosot 6.7% kepada USD406.8 bilion (2011: 8.9%; USD436.2 bilion), mencakupi 57.9% daripada aliran keseluruhan FDI ke negara membangun. Sementara itu, FDI ke Amerika Latin dan Caribbean merosot sedikit iaitu 2.2% kepada USD243.9 bilion (2011: 31.4%; USD249.4 bilion) merangkumi 34.7% daripada aliran masuk ke ekonomi membangun. Aliran masuk ke Amerika Selatan meningkat 11.6% (2011: 40.5%), manakala ke Amerika Tengah dan Caribbean menguncup 27.3% dan 13.7%. Chile, Columbia, Argentina dan Peru menerima aliran masuk yang lebih tinggi di rantau ini berikutan prospek ekonomi yang lebih baik, tahap pelaburan yang lebih tinggi dalam industri perlombongan dan pertambahan penduduk kelas pertengahan yang semakin menarik aliran FDI. Aliran FDI ke Afrika, satu-satunya rantau yang mengalami aliran masuk yang lebih tinggi meningkat 5.1% kepada USD50 bilion (2011: 9.2%; USD47.6 bilion) diterajui pelaburan dalam industri perlombongan serta sektor pembuatan dan perkhidmatan. Dalam kalangan negara membangun, Malaysia, Afrika Selatan, China dan India merupakan pelabur terbesar di Afrika dengan Malaysia memiliki sebahagian besar pelaburan dalam sektor perniagaan tani dan kewangan di rantau berkenaan.

Aliran masuk ke ASEAN meningkat 2.1% kepada USD111.3 bilion (2011: 11.4%; USD109 bilion) disebabkan oleh peningkatan integrasi serantau dan peluang pelaburan yang baharu di negara berpendapatan rendah (LIC) seperti Myanmar. Kebanyakan negara, termasuk Filipina, Indonesia, Singapura dan Thailand mengalami peningkatan FDI, manakala Kemboja, Myanmar dan Viet Nam menjadi destinasi tarikan aktiviti FDI yang berasaskan intensif buruh di rantau tersebut. Walau bagaimanapun, pelaburan ke Malaysia merosot

JADUAL 2.3

Aliran Masuk FDI bagi Rantau dan Ekonomi Utama Terpilih 2011 – 2012

	USD bilion		Perubahan (%)
	2011	2012	
Dunia	1,651.5	1,350.9	-18.2
5 penerima utama			
Amerika Syarikat	226.9	167.6	-26.1
China	124.0	121.1	-2.3
Hong Kong, China	96.1	74.6	-22.4
Brazil	66.7	65.3	-2.1
Kepulauan Virgin British	62.7	64.9	3.5
Negara maju	820.0	560.7	-31.6
Eropah	472.9	275.6	-41.7
Kesatuan Eropah	441.6	258.5	-41.5
Jepun	-1.8	1.7	198.6
Negara membangun	735.2	702.8	-4.4
Asia dan Oceania	438.2	408.9	-6.7
India	36.2	25.5	-29.4
ASEAN	109.0	111.3	2.1
Singapura	55.9	56.7	1.3
Indonesia	19.2	19.9	3.2
Malaysia	12.2	10.1	-17.4
Thailand	7.8	8.6	10.6
Viet Nam	7.4	8.4	12.6
Ekonomi peralihan	96.3	87.4	-9.3
Eropah Tenggara	7.2	4.2	-41.2
Komanwel Negara Merdeka	88.0	82.3	-6.5

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perdagangan dan Pembangunan.

kepada USD10.1 bilion (2011: USD12.2 bilion) dalam persekitaran aktiviti M&A yang lebih rendah dan sentimen pelaburan lebih berhati-hati oleh TNC utama. Rantau Asia Timur mencatatkan penguncupan aliran masuk 8.1% kepada USD214.8 bilion (2011: 9%; USD233.8 bilion) berikutan kemerosotan FDI ke ekonomi utama seperti China, Hong Kong dan ROK. Walaupun mencatat penurunan, China terus menjadi salah satu penerima FDI utama dalam kalangan ekonomi membangun dengan aliran masuk kekal tinggi pada USD121.1 bilion. Sementara itu, aliran FDI ke Asia Barat menurun empat tahun berturut-turut sebanyak 4% kepada USD47.1 bilion (2011: -17.5%; USD49.1 bilion), dipengaruhi oleh ketidakpastian persekitaran politik yang berpanjangan dan prospek ekonomi yang lemah. Aliran ke Asia Selatan menguncup 24.2% kepada USD33.5 bilion disebabkan pengurangan aliran masuk ke India, Pakistan dan Sri Lanka. Meskipun menjadi penerima FDI utama di rantau tersebut, aliran ke India menyusut 29.4% kepada USD25.5 bilion (2011: 71.3%; USD36.2 bilion) sebahagian besarnya disebabkan oleh keyakinan pelabur yang semakin berkurangan berikutan prospek pertumbuhan yang lembap dan tekanan inflasi.

Aliran FDI ke ekonomi peralihan di Eropah Tenggara dan CIS menguncup disebabkan oleh kejatuhan nilai M&A rentas sempadan. Aliran ke negara Eropah Tenggara, termasuk Croatia dan Albania merosot 41.2% kepada USD4.2 bilion (2011: 56.8%; USD7.2 bilion) disebabkan oleh kejatuhan pelaburan yang ketara dari EU. Walaupun aliran ke CIS merosot sedikit iaitu 6.5% kepada USD82.3 bilion (2011: 26.4%; USD88 bilion), minat pelabur asing terus tertarik dengan pasaran pengguna yang semakin besar dan kekayaan sumber asli di rantau tersebut.

Aliran FDI ke negara maju jatuh mendadak sebanyak 31.6% kepada USD560.7 bilion (2011: 17.7%; USD820 bilion) sebahagian besarnya disebabkan oleh pengurangan jumlah pelaburan yang ketara ke Eropah dan AS berikutan aktiviti ekonomi yang perlahan dan prospek yang lembap, terutamanya di kawasan euro. Aliran ke EU menguncup 41.5% kepada USD258.5 bilion (2011: 16.4%; USD441.6 bilion) berikutan

penurunan aliran masuk yang mendadak di Belgium dan Jerman. Di Belgium, aliran FDI dipengaruhi oleh pemindahan pendapatan dan pinjaman intra-syarikat yang meningkat dan tidak menentu oleh TNC bagi menguruskan keuntungan terkumpul mereka. Manakala, Jerman melupuskan banyak aset di negara Eropah Selatan (Greece, Itali, Portugal dan Sepanyol) akibat daripada masalah hutang kerajaan yang berpanjangan. Aliran ke AS merosot 26.1% kepada USD167.6 bilion (2011: 14.7%; USD226.9 bilion) berikutan pengurangan M&A rentas sempadan. Walau bagaimanapun, AS kekal sebagai penerima terbesar aliran masuk FDI global, mencakupi 12.4% daripada jumlah aliran masuk FDI (2011: 13.7%). Sebaliknya, FDI ke Jepun meningkat kembali kepada USD1.7 bilion selepas usaha pelupusan bersih aset pelaburan selama dua tahun.

Aliran keluar FDI global merosot 17.1% kepada USD1.4 trilion (2011: 11.5%; USD1.7 trilion), sebahagian besarnya disebabkan oleh pengurangan aliran keluar daripada negara maju. Sebaliknya, ekonomi membangun meneruskan momentum pelaburan mereka untuk berkembang di luar negara, sekaligus meningkatkan sumbangan aliran keluar global kepada 30.6% pada 2012 (2011: 25.2%).

Aliran keluar dari negara maju jatuh dengan ketara sebanyak 23.1% kepada USD909.4 bilion (2011: 14.9%; USD1.2 trilion), terutamanya disebabkan oleh krisis kawasan euro yang berpanjangan. Persekitaran ekonomi yang tidak menentu di rantau tersebut juga tidak menggalakkan pelabur, terutamanya dari AS untuk melabur di Eropah. Manakala, kebanyakan TNC Eropah dalam sektor kewangan telah menjual aset mereka di luar negara. Aliran keluar dari EU merosot dengan ketara sebanyak 39.8% kepada USD323.1 bilion (2011: 7.8%; USD536.5 bilion), manakala aliran keluar FDI AS menguncup 17.1% kepada USD328.9 bilion (2011: 30.3%; USD396.7 bilion). Walau bagaimanapun, Jepun terus meningkatkan pelaburannya di luar negara sebanyak 13.9% kepada USD122.6 bilion (2011: 91.2%; USD107.6 bilion) dan kekal sebagai pelabur kedua terbesar pada 2012. Sebahagian besar daripada aliran keluar FDI dari negara maju

merupakan pelaburan semula pendapatan yang merangkumi 61% daripada jumlah aliran keluar, menandakan keutamaan TNC untuk membiayai pengembangan operasi di luar negara daripada pendapatan asing dan menyimpan rizab tunai yang tinggi dalam bentuk keuntungan terkumpul di syarikat bersekutu luar negara.

Aliran keluar dari negara membangun meningkat marginal sebanyak 1% kepada USD426.1 bilion (2011: 2.1%; USD422.1 bilion). Antara kesemua rantau, aliran keluar Afrika meningkat 166% kepada USD14.3 bilion (2011: -42.3%; USD5.4 bilion) disebabkan oleh aliran tinggi dari Afrika Selatan ke sektor perlombongan, pemborongan dan penjagaan kesihatan. Sementara itu, aliran dari Asia menurun secara marginal sebanyak 0.8% kepada USD308.2 bilion (2011: 9.4%; USD310.6 bilion). China kekal sebagai peneraju terbesar FDI dari Asia dengan aliran keluar meningkat 12.8% kepada USD84.2 bilion (2011: 8.5%; USD74.7 bilion). Aliran keluar dari Arab Saudi, Malaysia, ROK, Thailand dan Turki meningkat, manakala aliran keluar FDI dari Hong Kong, India dan Singapura merosot. Aliran keluar dari Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 12.2% kepada USD17.1 bilion (2011: 13.8%; USD15.2 bilion) dipacu oleh pelaburan intra-serantau. Aliran keluar dari ekonomi peralihan menurun 23.9% kepada USD55.5 bilion (2011: 17.8%; USD72.9 bilion) disebabkan oleh pelaburan luar negara yang lebih rendah oleh Rusia.

Menurut unjuran Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan, aliran FDI global dijangka meningkat sederhana kepada USD1.5 trilion pada 2013 dan terus berkembang pada 2014 kepada USD1.6 trilion berikutan keadaan ekonomi makro dan keyakinan pelabur bertambah baik. Namun begitu, risiko menjejaskan pertumbuhan yang berterusan kepada aliran FDI global akan kekal termasuk kelemahan struktur dalam sistem kewangan global; pertumbuhan ekonomi yang lemah di EU; dan ketidaktentuan dasar yang ketara dalam bidang penting untuk meningkatkan keyakinan pelabur.

Aliran perdagangan

Aliran perdagangan yang sederhana

Jumlah perdagangan dunia dijangka berkembang sederhana sebanyak 2.9% pada 2013 (2012: 2.7%), mencerminkan peningkatan beransur dalam permintaan global. Peningkatan aktiviti perdagangan ini disokong oleh pertumbuhan kukuh negara membangun yang berkembang pesat dan ekonomi membangun, pengukuhan kawasan euro dan pemulihan berterusan di AS. Perdagangan dalam kalangan negara membangun dijangka lebih dinamik dan menyumbang 30% kepada perdagangan global, dengan Asia Timur meningkatkan peranannya sebagai blok perdagangan utama.

Jumlah perdagangan **AS** meningkat 0.3% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2013 kepada USD2,902.2 bilion (Januari – Julai 2012: 4.9%; USD2,891.9 bilion). Eksport meningkat pada kadar sederhana 2% kepada USD1,311.3 bilion (Januari – Julai 2012: 6.1%; USD1,285.1 bilion) mencerminkan peningkatan bahan dan bekalan perindustrian, barangan modal, kenderaan automotif, alat ganti dan enjin serta barangan pengguna. Import menguncup 1% kepada USD1,590.9 bilion (Januari – Julai 2012: 4.6%; USD1,606.8 bilion) disebabkan penurunan dalam permintaan bahan dan bekalan perindustrian serta barangan modal. Imbangan dagangan menguncup 13.1% kepada USD279.6 bilion (Januari – Julai 2012: -1%; USD321.7 bilion). Destinasi eksport utama masih kekal iaitu Kanada (19.2%), Mexico (14.3%), China (7%), Jepun (4.1%), UK (3.1%) dan Jerman (3%). Eksport AS dijangka mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 2.6% (2012: 5.1%) manakala import meningkat secara marginal sebanyak 0.4% pada 2013 (2012: 2.8%).

Jumlah perdagangan bagi **kawasan euro** menguncup 0.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2013 (Januari – Julai 2012: 6.1%). Eksport terus meningkat 1.7% kepada USD1,436.4 bilion (Januari – Julai 2012: 9%; USD1,412.3 bilion) walaupun pada kadar

JADUAL 2.4

Eksport dan Import Negara Terpilih Januari – Julai

	Eksport			Import			Jumlah Perdagangan		
	USD bilion		Perubahan (%)	USD bilion		Perubahan (%)	USD bilion		Perubahan (%)
	2012	2013		2012	2013		2012	2013	
Amerika Syarikat	1,285.1	1,311.3	2.0	1,606.8	1,590.9	-1.0	2,891.9	2,902.2	0.3
Kawasan euro	1,412.3	1,436.4	1.7	1,366.7	1,318.3	-3.5	2,779.0	2,754.7	-0.9
Jepun	476.3	418.4	-12.2	519.6	481.5	-7.3	995.9	899.9	-9.6
China	1,131.6	1,239.1	9.5	1,036.5	1,112.0	7.3	2,168.1	2,351.1	8.5
Singapura ¹	273.1	269.6	-1.3	253.7	245.9	-3.1	526.8	515.6	-2.1

¹ Termasuk barangan dan perkhidmatan sehingga akhir Ogos.

Sumber: Pertubuhan Perdagangan Dunia dan pihak berkuasa negara.

yang lebih perlahan dengan eksport utama terdiri daripada bahan kimia serta jentera dan kenderaan. Manakala, import menyusut 3.5% kepada USD1,318.3 bilion (Januari – Julai 2012: 3.3%; USD1,366.7 bilion) dengan import utama termasuk tenaga serta jentera dan kenderaan. Lebihan dagangan meningkat 158.7% kepada USD118 bilion (Januari – Julai 2012: 267.9%; USD45.6 bilion). Destinasi eksport utama adalah UK mencakupi 10.6%, AS (9.9%), China (5.3%) dan Switzerland (5%). Sementara itu, negara import utama ialah China (9.6%), UK (8.1%) dan AS (7.4%). Pada 2013, eksport dijangka terus berkembang pada kadar 3.1% (2012: 2.1%), dan import meningkat pada kadar 2.7% (2012: -0.2%).

Jumlah perdagangan **China** meningkat 8.5% kepada USD2,351.1 bilion (Januari – Julai 2012: 7.1%; USD2,168.1 bilion) berikutan peningkatan perdagangan dengan rakan dagang utama iaitu AS dan Jepun dan juga dengan Asia Tenggara terus berkembang kukuh. Eksport meningkat 9.5% kepada USD1,239.1 bilion (Januari – Julai 2012: 7.8%; USD1,131.6 bilion), manakala import juga meningkat 7.3% kepada USD1,112 bilion (Januari – Julai 2012: 6.3%; USD1,036.5 bilion). Tiga eksport utama merangkumi jentera elektrik; jentera; serta pakaian yang dikait dan ditenun.

Manakala tiga import utama termasuklah jentera elektrik; produk bahan api mineral dan minyak; serta jentera. Lebihan dagangan meningkat 33.6% kepada USD127.1 bilion (Januari – Julai 2012: 26.5%; USD95.1 bilion). Rakan dagangan utama China ialah AS yang menyumbang 12.1%, Hong Kong (10%), Jepun (7.4%), ROK (6.6%) dan Taiwan (5%). Dalam kalangan negara anggota ASEAN, Malaysia merupakan rakan dagangan terbesar menyumbang 24.1% kepada USD59.7 bilion diikuti Singapura dengan 17.2% kepada USD42.6 bilion. Pada 2013, eksport China dijangka meningkat 6.5% manakala import 7.6% (2012: 5.7%; 5.1%).

Jumlah perdagangan **Jepun** menguncup 9.6% kepada USD899.9 bilion (Januari – Julai 2012: 6.3%; USD995.9 bilion) berikutan permintaan daripada pasaran eksport utama yang lemah, khususnya China. Eksport merosot 12.2% kepada USD418.4 bilion (Januari – Julai 2012: 2.9%; USD476.3 bilion) berikutan permintaan yang lembap daripada China, Eropah, EU, ROK dan Taiwan, terutamanya bagi produk peralatan pengangkutan, jentera, jentera elektrik, besi dan keluli, logam bukan ferus dan getah. Sementara itu, import menguncup 7.3% kepada USD481.5 bilion (Januari – Julai 2012: 9.7%; USD519.6 bilion), terutamanya disebabkan oleh

peningkatan kos import berikutan kejatuhan nilai yen. AS muncul sebagai destinasi eksport utama, menyumbang 18.3%, diikuti China (17.4%), ASEAN (15.8%) dan EU (9.7%). Pada 2013, eksport barangan dan perkhidmatan dijangka meningkat 4.8% (2012: -0.1%), manakala import dijangka berkembang lebih perlahan pada kadar 2.2% (2012: 5.4%).

Jumlah perdagangan **Singapura** menguncup 2.1% kepada USD515.6 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: 2%; USD526.8 bilion) dengan eksport dan import merosot 1.3% dan 3.1% (Januari – Ogos 2012: 0.3%; 3.8%). Kemerosotan ini antara lain disebabkan oleh kejatuhan perdagangan minyak dan eksport elektronik termasuk komputer peribadi, litar bersepadu dan produk media cakera. Eksport utama Singapura termasuk produk petroleum ditapis, jentera elektrik dan bahan kimia. Manakala, import terdiri daripada jentera dan kelengkapan pengangkutan, petroleum mentah serta produk kimia. Negara dagangan utama Singapura ialah Malaysia (11.5%), China (11.3%), EU (9.9%) dan AS (7.8%). Pada 2013, eksport dijangka meningkat 1% manakala import meningkat sederhana kepada 1.6% (2012: 0.3%; 3.2%).

Kerjasama Ekonomi Antarabangsa

Peningkatan penyelarasan dan kerjasama

Prestasi ekonomi global yang lemah sejak 2008 telah menguatkan keperluan supaya lebih banyak penyelarasan dasar dan pembaharuan struktur dilaksanakan bagi memulihkan pertumbuhan, menggalakkan pewujudan peluang pekerjaan dan menyokong pemulihan yang seimbang antara rantau. Berikutan peningkatan integrasi dan saling kebergantungan antara negara, tindakan bersama di peringkat serantau dan global adalah penting bagi mengurangkan limpahan negatif dan menguruskan risiko utama. Kerjasama serantau melalui ASEAN, ASEAN+3 (China, Jepun dan ROK) dan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik

(APEC) akan diteruskan bagi memperluas dan mempertingkatkan integrasi dalam pelbagai bidang, bertujuan melindungi kestabilan ekonomi dan memacu pertumbuhan serantau. Tambahan pula, institusi kewangan antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan WBG terus memainkan peranan penting dalam membantu negara anggota menangani cabaran dan memastikan kemampunan fiskal serta kestabilan kewangan melalui tindakan dasar yang bersepadu pada peringkat nasional dan antarabangsa.

Dalam hal ini, **IMF** terlibat secara aktif dalam penyelesaian dan pencegahan krisis melalui peningkatan kapasiti pemberian pinjaman menerusi penambahan langganan kuota dan mendapatkan pinjaman sementara daripada negara anggota. IMF juga meningkatkan pemantauan ekonomi dan kewangan serta memberikan bantuan teknikal mengikut keperluan negara anggota. Selain daripada memberi tumpuan kepada LIC, IMF terus berusaha ke arah pembaharuan kuota dan tadbir urus bertujuan mencerminkan peranan negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun dengan sewajarnya. Dari segi kemudahan pemberian pinjaman, IMF menyediakan pelbagai pengaturan pinjaman untuk menyokong keperluan kewangan negara anggota, menangani masalah imbalan pembayaran, menstabilkan keadaan ekonomi dan mengembalikan pertumbuhan mampan. Pada akhir Ogos 2013, pemberian pinjaman IMF berjumlah SDR151.6 bilion. Pinjaman kepada Greece, Ireland dan Portugal merangkumi 44.2% daripada jumlah pinjaman.

IMF terus menyokong LIC melalui peruntukan pinjaman konsesi pada kadar faedah sifar di bawah *Poverty Reduction and Growth Trust Fund* (PRGT). Dalam memastikan pemberian pinjaman tersebut adalah mampan dalam jangka masa panjang, IMF menggalakkan negara anggota untuk menyumbang sebahagian daripada hasil keuntungan luar biasa daripada jualan emas kepada PRGT. Pengagihan pertama berjumlah SDR0.7 bilion telah disempurnakan pada

Oktober 2012. Pengagihan kedua pula yang berjumlah SDR1.8 bilion telah diluluskan pada September 2012. Pada Oktober 2013, sejumlah 151 negara, termasuk Malaysia mewakili lebih 90% daripada pengagihan kedua yang dirancang, bersetuju untuk menyumbang hasil keuntungan tersebut kepada PRGT.

IMF terus berusaha untuk meningkatkan keberkesanan pemantauan dua hala dan pelbagai hala, berikutan kewujudan risiko sistemik kewangan kesan daripada globalisasi ekonomi dunia. Pada September 2012, Lembaga Eksekutif IMF telah meluluskan *Financial Surveillance Strategy* yang baharu untuk mengukuhkan lagi pemantauan kewangan. Inisiatif ini telah meningkatkan keupayaan IMF dalam menangani kemungkinan kesan limpahan daripada dasar negara anggota, memantau kestabilan sektor luaran dan melibatkan negara anggota dalam dialog konstruktif untuk menyokong kestabilan ekonomi dan kewangan global. Dalam usaha meningkatkan ketelusan fiskal dan akauntabiliti dalam penggubalan dasar, IMF mengeluarkan draf *Revised Fiscal Code* pada 2012 bagi mendapatkan input daripada negara anggota. Kod tersebut yang bertujuan mengukuhkan piawaian laporan fiskal, akan merangkumi *Fiscal Transparency Assessment* baharu bagi menggantikan laporan *Fiscal Reports on the Observance of Standards and Codes* dan akan diterbitkan pada akhir 2013.

IMF terus menyediakan pelbagai bantuan teknikal dan latihan untuk membantu negara anggota mengukuhkan keupayaan bagi melaksanakan dasar yang berkesan. Sebuah pusat latihan serantau telah ditubuhkan di Mauritius pada Jun 2013 bagi memenuhi permintaan yang meningkat daripada negara Sub-Sahara Afrika. Pusat latihan ini akan saling melengkapi African Regional Technical Assistance Centre (AFRITAC) yang sedia ada di Mauritius dalam membangunkan keupayaan penggubalan dasar ekonomi makro bagi mengurangkan kemiskinan di rantau tersebut. Selain itu, IMF telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Ghana untuk mewujudkan AFRITAC kelima di Accra. Pusat latihan ini akan menyediakan perkhidmatan kepada enam

negara di rantau ini dan memperluas rangkaian AFRITAC kepada semua negara di rantau Sub-Sahara Afrika. IMF juga telah meningkatkan penglibatan di rantau Asia berikutan pengaruh rantau tersebut yang semakin meningkat dalam sistem ekonomi dan kewangan global. Pada 2013, IMF akan menubuhkan pejabat perwakilan baharu di Myanmar untuk melengkapi fungsi Thailand Technical Assistance Office yang telah ditubuhkan pada 2012.

IMF terus bekerjasama dengan Malaysia dalam pelbagai bidang. Susulan daripada bantuan teknikal mengenai “Penguatan Pengurusan Hutang” pada Ogos 2012, IMF melanjutkan kepakarannya dalam mengenal pasti dan menganggar risiko fiskal yang dihadapi oleh ekonomi Malaysia. Dengan ini, satu kajian bertajuk “Malaysia: Penilaian Risiko Fiskal” telah disiapkan pada Mac 2013. Pada Julai 2013, IMF telah bersetuju untuk mengkaji semula strategi Jabatan Akauntan Negara untuk melaksanakan perakaunan akruan pada peringkat persekutuan menjelang akhir 2015. Malaysia terus mendapat faedah daripada inisiatif selama tiga tahun di bawah pembiayaan bersama oleh IMF dan Kerajaan Jepun yang sedang dijalankan untuk membantu ekonomi serantau menambah baik pengumpulan dan penyediaan laporan perangkaan kewangan kerajaan berteraskan rangka kerja *Government Finance Statistics Manual* 2001. Dalam hal ini, semenjak November 2012, beberapa misi teknikal, termasuk dua bengkel telah diadakan dengan agensi Kerajaan berkaitan yang melibatkan pengumpulan, penggunaan dan penyebaran data fiskal.

WBG kekal komited untuk menamatkan kemiskinan tegar menjelang 2030, menggalakkan perkongsian kemakmuran dengan meningkatkan pendapatan 40% penduduk termiskin serta mencapai kesaksamaan dalam kalangan negara membangun. Dalam merealisasikan matlamat ini, komitmen kewangan WBG bagi tahun kewangan (FY) 2013 berjumlah USD52.6 bilion (FY2012: USD53.4 bilion) dan disalurkan melalui agensinya dalam bentuk pinjaman, geran, pelaburan ekuiti dan jaminan. Sektor pertanian dan yang berkaitan telah menerima komitmen yang lebih tinggi berjumlah

USD8 bilion, sejajar dengan unjuran di bawah Pelan Tindakan Pertanian 2013 – 2015. Antara agensi di bawah WBG, *International Bank for Reconstruction and Development* (IBRD) yang menyediakan pembiayaan dan pelbagai perkhidmatan kewangan kepada negara berpendapatan sederhana, telah menyalurkan USD15.2 bilion, manakala *International Development Association* (IDA) yang membiayai negara anggota termiskin telah memberikan komitmen berjumlah USD16.3 bilion. Penerima pinjaman IBRD terbesar ialah Amerika Latin dan rantau Caribbean (USD4.8 bilion) diikuti oleh Eropah dan Asia Tengah (USD4.6 bilion). Bagi IDA, sebahagian besar daripada sumbernya digunakan untuk membantu rantau Afrika, yang menerima hampir 50% daripada jumlah kemudahan pinjaman dalam FY 2013, diikuti oleh Asia Selatan (25%).

IFC, institusi terbesar dunia yang memberi fokus kepada pembiayaan pembangunan sektor swasta telah menyediakan peruntukan tertinggi berjumlah USD18.3 bilion. Strategi IFC bertumpu di rantau Sub-Sahara Afrika dengan pelaburan dipertingkatkan kepada hampir USD5 bilion, termasuk dana yang diperoleh daripada pelabur lain. Multilateral Investment Guarantee Agency, agensi WBG yang menanggung insurans risiko politik telah menjamin USD2.8 bilion untuk 30 projek di seluruh dunia. Kebanyakan jaminan yang ditanggung menyokong pelaburan di rantau Sub-Sahara Afrika, khususnya bagi menyelesaikan isu berkaitan kekurangan bekalan tenaga. Selain itu, WBG membantu negara anggota untuk membina daya tahan terhadap kejutan luaran yang disebabkan oleh volatiliti pasaran; merangka dan melaksana strategi pengurusan risiko dan hutang awam; serta menyediakan bantuan teknikal kepada 49 negara dan organisasi untuk memperkasa keupayaan pembangunan ekonomi.

Kerajaan Malaysia telah bekerjasama rapat dengan WBG dalam bidang bina upaya dan memperoleh input untuk penggubalan dasar. Sehubungan dengan itu, WBG telah menjalankan penyelidikan dan kajian dalam pelbagai sektor kritikal untuk memacu pertumbuhan ekonomi. Usaha ini termasuk

meningkatkan aktiviti nilai tambah tinggi dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan; memberi khidmat nasihat kepada pelaksanaan Pelan Induk PKS untuk mewujudkan sektor PKS yang berdaya saing dan maju; meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan kemampunan perbelanjaan kerajaan; menggalakkan pembangunan bandar yang mampan; menguruskan penghijrahan; serta mengukuhkan jaringan keselamatan sosial.

Di peringkat serantau, negara anggota **ASEAN** meneruskan kerjasama untuk mengekalkan pertumbuhan dan meningkatkan kestabilan ekonomi walaupun berhadapan dengan cabaran ekonomi global. Pada masa yang sama, ASEAN tetap komited dalam merealisasikan matlamat Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan telah mengambil beberapa langkah penting di bawah *Roadmap for Monetary and Financial Integration of ASEAN*. Menteri-Menteri Kewangan ASEAN telah bersetuju mempertingkatkan usaha untuk membina pasaran kewangan serantau yang lebih kukuh untuk mencapai matlamat AEC dan menggalakkan kerjasama yang sedang dilaksanakan di bawah *ASEAN Financial Integration Framework* dan *ASEAN Banking Integration Framework*. Selain itu, negara anggota ASEAN sedang mengenal pasti beberapa projek yang sesuai untuk dibiayai oleh *ASEAN Infrastructure Fund*. Segala usaha ini akan terus dipergiat untuk merealisasikan AEC pada 2015, apabila Malaysia menjadi pengerusi ASEAN.

Pada Mei 2013, Mesyuarat Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat **ASEAN+3** bersetuju untuk memperkukuh lagi rangka kerja *Chiang Mai Initiative Multilateralisation* (CMIM) yang penting bagi mengekalkan kestabilan ekonomi serantau berikutan ketidaktentuan ekonomi global. Mesyuarat juga bersetuju melibatkan Gabenor Bank Pusat dalam proses membuat keputusan penting bagi CMIM. Bagi meningkatkan lagi kapasiti *ASEAN+3 Macroeconomic Research Office* (AMRO) untuk menjadi sebuah unit pemantauan ekonomi serantau yang bebas, Mesyuarat juga bersetuju untuk menginstitusikan AMRO sebagai sebuah organisasi antarabangsa. Ini bagi membolehkan AMRO menjalankan

Kemajuan ke Arah Komuniti Ekonomi ASEAN: Status Terkini

Pengenalan

Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) adalah organisasi serantau yang ditubuhkan pada 1967 dan telah berkembang menjadi satu organisasi kukuh. ASEAN telah menjadi satu entiti dari segi perundangan dengan penguatkuasaan ASEAN Charter yang telah dipersetujui pada 2008. ASEAN kini dianggotai oleh Brunei Darussalam, Filipina, Indonesia, Kemboja, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Singapura, Thailand dan Viet Nam.

Matlamat utama ASEAN termasuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, perkembangan sosial dan pembangunan kebudayaan serta mempromosikan keamanan, kestabilan dan perkongsian kemakmuran serantau. Sidang Kemuncak ASEAN Kesembilan di Bali, Indonesia pada Oktober 2003 telah mengisytiharkan penubuhan Komuniti ASEAN yang merangkumi tiga tonggak iaitu kerjasama: keselamatan politik, ekonomi dan sosio kebudayaan. Tiga pelan hala tuju yang meliputi tiga tonggak tersebut dan menggariskan langkah penting bagi merealisasikan penubuhan Komuniti ASEAN telah diterima pakai. Pada 2007, pelan hala tuju Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) telah dipersetujui, diikuti dengan pelan hala tuju Komuniti Keselamatan Politik dan Sosio-Kebudayaan pada 2009.

Pembentukan AEC membuktikan komitmen Ketua-Ketua Negara ASEAN untuk membangun dan mempromosi empat tonggak utama penting iaitu: pasaran dan pusat pengeluaran yang tunggal; rantau ekonomi yang berdaya saing dan pembangunan ekonomi yang saksama; serta rantau yang bersepadu sepenuhnya dalam ekonomi global. Untuk tujuan ini, pada 2007, rangka tindakan (*blueprint*) AEC yang menggariskan langkah terperinci serta jangka masa yang jelas telah dilancarkan. Seterusnya, AEC *scorecard* telah diperkenalkan untuk memantau kadar pelaksanaan AEC di peringkat nasional dan serantau.

Pelaksanaan AEC

Rangka tindakan AEC dibentuk untuk memberi penerangan yang jelas mengenai objektif pelaksanaan. Ia merupakan satu rangka komprehensif yang terdiri daripada empat fasa: Fasa I (2008 – 2009); Fasa II (2010 – 2011); Fasa III (2012 – 2013); dan Fasa IV (2014 – 2015) yang bertujuan untuk merealisasikan empat tonggak utama AEC. Sehingga Julai 2013, Malaysia telah berjaya melaksanakan melebihi 88.2% daripada langkah rangka tindakan AEC, manakala ASEAN telah melaksanakan 79.5% daripada rangka tindakan tersebut. Bidang utama dan pencapaian inisiatif utama termasuk:

JADUAL 1

Bidang Utama dan Pencapaian Inisiatif Utama¹

Bidang Utama	Pencapaian Inisiatif Utama
Tonggak 1: Pasaran Dan Pusat Pengeluaran Yang Tunggal	
A. Aliran bebas barangan	
Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN	Bagi ASEAN-6 ² , sebanyak 99.2% baris tarif dalam <i>Inclusion List</i> (IL) adalah pada kadar 0%, manakala hanya 0.35% daripada baris tarif dikenakan duti import.
	Bagi negara CLMV ³ , 68.88% baris tarif dalam IL adalah pada kadar 0%.

¹ Untuk maklumat lanjut sila layari www.aseansec.org

² ASEAN-6 terdiri daripada Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand.

³ CLMV termasuk Kemboja, Lao PDR, Myanmar dan Viet Nam.

Bidang Utama	Pencapaian Inisiatif Utama
ASEAN Single Window	Menjadikan transaksi perdagangan lebih sistematik, seperti pelaksanaan <i>National Single Windows</i> serta pematuhan dengan peraturan <i>Sanitary and Phytosanitary</i> .
Integrasi Kastam	Pengurangan dan penghapusan halangan untuk bekalan merentasi sempadan dan penggunaan di luar negara.
Makanan, pertanian dan perhutanan	Projek perintis bagi melaksanakan pengujian ASEAN <i>Single Windows</i> dan pelaksanaan ASEAN <i>Harmonised Tariff Nomenclature</i> 2012. Penubuhan ASEAN+3 Rizab Bekalan Beras untuk Kecemasan pada Julai 2012. Negara anggota ASEAN bekerjasama mengawal paras penggunaan racun serangga bagi memastikan makanan adalah selamat untuk dimakan.
B. Aliran bebas perkhidmatan	
Perjanjian Rangka kerja Perkhidmatan ASEAN (AFAS)	Memperaku langkah-langkah untuk meningkatkan AFAS.
Perkhidmatan Kewangan	Protokol pelaksanaan Pakej Keenam komitmen Perkhidmatan Kewangan dijadualkan akan ditandatangani pada 2014.
C. Aliran bebas pelaburan	
Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA)	ACIA mula berkuatkuasa pada 2012. Halangan dan sekatan ke atas pelaburan dalam sektor perkhidmatan berkaitan perkilangan telah dikurangkan menjadikan rejim pelaburan di rantau ini adalah sangat liberal dan terbuka kepada pelabur dari ASEAN dan luar ASEAN.
Laman web pelaburan ASEAN	Pelancaran laman web pelaburan ASEAN sebagai platform dan pintu masuk untuk maklumat mengenai ASEAN sebagai destinasi pelaburan.
Seminar Pelabur Menteri-menteri Kewangan ASEAN (AFMIS)	AFMIS Kesembilan pada 2012 telah berlangsung dengan jayanya di Hong Kong, dihadiri oleh pelabur dari pelbagai industri.
D. Aliran lebih bebas modal	
Pembangunan pasaran modal ASEAN	Integrasi pasaran modal di bawah ASEAN Capital Market Forum dan ASEAN Exchanges mencapai perkembangan yang pesat terutamanya dengan pelancaran ASEAN Trading Link.
E. Aliran bebas tenaga mahir	
Pergerakan bebas tenaga mahir	Memudah cara pergerakan bebas tenaga mahir dalam tujuh sektor perkhidmatan melalui pengaturan pengiktirafan bersama dalam bidang seperti kejuruteraan, perakaunan, arkitektur, khidmat kejururawatan, pengamalan perubatan, pengamalan pergigian dan kelayakan untuk pengukuran.
Tonggak 2: Rantau Ekonomi Yang Berdaya Saing	
A. Polisi persaingan	
Undang-undang persaingan	Enam negara anggota ⁴ telah menerima pakai undang-undang persaingan.

⁴ Enam negara anggota tersebut adalah Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Viet Nam.

Bidang Utama	Pencapaian Inisiatif Utama
B. Perlindungan pengguna	
Akta Perlindungan pengguna	Enam negara anggota ⁴ telah mempunyai Akta Perlindungan Pengguna.
C. Hak harta intelek (IPR)	
Pelan Tindakan IPR ASEAN	Memudah cara ke arah pelaksanaan undang-undang IPR antarabangsa.
D. Pembangunan infrastruktur	
Pembangunan infrastruktur	Penyelarasan serantau ke arah pembangunan pengangkutan, maklumat dan infrastruktur tenaga melalui usaha seperti ASEAN Transport Action Plan; kerjasama serantau bagi memudah cara <i>Computer Emergency Response Teams</i> , <i>ASEAN Power Grid</i> dan <i>ASEAN Infrastructure Fund</i> .
Tonggak 3: Pembangunan Ekonomi Saksama	
A. Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)	
Pembangunan PKS	Penubuhan Majlis PKS ASEAN yang diwakili oleh sektor kerajaan dan swasta serta perakuan pindaan Pelan Tindakan Strategik ASEAN untuk Pembangunan PKS (2012 – 2015).
Tonggak 4: Integrasi dengan Ekonomi Global	
Mewujudkan hubungan dengan ekonomi luar	Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) ASEAN+1 dengan China, Jepun, Republik Korea (ROK), India, Australia dan New Zealand.

Faedah AEC

Mengambil kira cabaran persaingan yang semakin sengit dengan kemunculan kuasa ekonomi baharu, komuniti ASEAN akan hilang kedudukannya di pasaran global sekiranya tidak bekerjasama rapat. Secara individu, Negara Anggota ASEAN tidak mampu bersaing dengan negara besar lain, yang turut mengamalkan strategi pembangunan berasaskan eksport. Walau bagaimanapun, dengan usaha bersepadu, negara anggota mampu memanfaatkan pasaran dan guna tenaga yang lebih besar, elemen penting untuk perkembangan ekonomi yang berterusan.

AEC telah memberi faedah kepada penduduk serantau dengan peningkatan pendapatan per kapita yang telah meningkat daripada USD3,153 pada 2010 kepada USD3,579 pada 2012. Jumlah perdagangan ASEAN meningkat 16.8% daripada USD2.1 trilion pada 2010 kepada USD2.5 trilion pada 2012. Perdagangan intra-ASEAN mewakili 26% daripada jumlah perdagangan ASEAN atau sebanyak USD601 bilion. ASEAN juga terus menarik pelabur asing dengan mencatat aliran masuk sebanyak USD108 bilion pada 2012. Selain itu, ASEAN merupakan antara rantau yang berkembang paling pesat di dunia dengan purata pertumbuhan tahunan melebihi 5% dalam dekad yang lalu. Institusi kewangan utama seperti Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Pembangunan Asia mengunjurkan ASEAN akan berkembang antara 5% – 6% pada 2013 hingga 2017.

Malaysia secara khususnya akan meraih banyak faedah daripada AEC. ASEAN kekal sebagai rakan dagangan utama Malaysia dengan jumlah dagangan pada 2012 melebihi 25% daripada keseluruhan dagangan tahunan Malaysia. Selain itu, saiz pasaran ASEAN adalah 20 kali ganda lebih besar berbanding Malaysia, manakala nilai KDNK adalah lapan kali ganda lebih besar.

Ini jelas menunjukkan kepentingan integrasi serantau dalam agenda nasional Malaysia. AEC akan menyokong agenda Program Transformasi Negara yang akan meningkatkan status Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang 2020.

JADUAL 2

Indikator Ekonomi Terpilih untuk Malaysia dan ASEAN pada 2012

	Malaysia	ASEAN
Saiz Pasaran	30 juta	600 juta
KDNK	USD288 bilion	USD2,300 bilion
Jumlah Perdagangan	USD420 bilion	USD2,500 bilion

Sumber: Pihak berkuasa negara dan Sekretariat ASEAN.

AEC Pasca 2015: Cabaran dan Potensi Untuk Pertumbuhan

Dua kajian untuk langkah AEC yang seterusnya pada masa hadapan telah dijalankan. Kajian pertama ialah “*Moving ASEAN and AEC Beyond 2015*” oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Asia Timur (ERIA). Kajian kedua bertajuk “*Vision Paper on the AEC Beyond 2015*” oleh Rajaratnam School of International Studies dan Institut Pengajian Asia Tenggara, dibiayai oleh beberapa negara ASEAN iaitu Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura.

Cadangan yang dikemukakan daripada kajian tersebut akan dijadikan asas kepada inisiatif di masa hadapan. Langkah ini akan dibangunkan selaras dengan pencapaian rangka tindakan AEC, dan akan memfokuskan kepada langkah integrasi ekonomi pasca rangka kerja 2015. Pelaksanaan penuh Rangka Tindakan AEC adalah signifikan kepada Malaysia yang akan menjadi pengerusi Sidang Kemuncak ASEAN pada 2015.

Sungguhpun ASEAN telah mencapai kemajuan yang signifikan, banyak lagi perkara yang perlu dilaksanakan untuk mempromosikan lagi integrasi ekonomi ASEAN. Kajian oleh Institut Bank Pembangunan Asia (ADB) telah mengenal pasti berberapa cabaran utama AEC selepas 2015. Cabaran tersebut termasuk: menguruskan kestabilan makroekonomi dan institusi kewangan; mempromosikan penyatuan ekonomi dan pertumbuhan yang saksama; mewujudkan rantau yang berdaya saing dan inovatif; serta mengekalkan alam sekitar dan sumber yang mampan.

i. Menguruskan Kestabilan Makroekonomi dan Institusi Kewangan

Tahap pembangunan yang berbeza antara negara anggota ASEAN adalah satu cabaran kepada integrasi ekonomi AEC. Pelbagai langkah perlu diambil untuk meningkatkan infrastruktur kewangan bagi memastikan kesepadanan antara ahli. Selain itu, bimbingan perlu diberikan kepada negara anggota yang masih belum mempunyai ekonomi yang lebih stabil.

ii. Mempromosikan Penyatuan Ekonomi dan Pertumbuhan yang Saksama

Piawaian dan pematuan prosedur kastam yang tidak mencukupi telah menyebabkan kesukaran untuk menjalankan perniagaan di negara anggota ASEAN. Sehubungan dengan itu, kajian ERIA telah mencadangkan penubuhan Kesatuan Kastam untuk memudah cara penyeragaman piawaian dan pensijilan. Walau bagaimanapun, mengambil kira perbezaan kapasiti negara anggota ASEAN, Kesatuan Kastam tidak sesuai untuk dilaksanakan buat masa ini. Oleh itu, ERIA telah memberi penekanan kepada aspek di dalam rangka tindakan yang boleh dipertingkatkan lagi selepas 2015.

iii. Mewujudkan Rantau yang Berdaya Saing dan Inovasi

AEC harus melihat melangkaui integrasi dan bergerak ke arah mewujudkan pasaran yang berdaya saing dan berupaya mengilhamkan inovasi. AEC bukan sahaja menerima pakai dasar persaingan dan IPR yang komprehensif, tetapi turut membangunkan teknologi dan sumber manusia. Negara anggota ASEAN akan mendapat manfaat dari pergerakan tenaga mahir dan penyepaduan dasar yang mensasarkan kepada penggalakkan inovasi dan pengkhususan dalam teknologi.

iv. Pembangunan dan Sumber yang Mampan

Sungguhpun isu pasca 2015 masih dalam perbincangan, pembangunan mampan dan pengurusan sumber asli telah lama menjadi sebahagian agenda AEC. Langkah-langkah di bawah pelan tindakan AEC adalah termasuk dasar menangani masalah peningkatan pelepasan gas karbon dioksida dan perbincangan mengenai pengurusan bahan api fosil dan mineral yang mampan.

Potensi ASEAN Pasca 2015

Penyelidikan oleh ADBI menganggarkan ASEAN mempunyai potensi besar untuk menggandakan pendapatan per kapita sebanyak tiga kali ganda pada 2030. Penemuan tersebut adalah bertepatan dengan faktor pertumbuhan ASEAN yang mantap seperti: asas makroekonomi yang kukuh; sumber yang pelbagai dan keupayaan pengeluaran; serta penyelarasan dan kerjasama serantau yang erat.

i. Asas Makroekonomi yang Kukuh

ASEAN-5⁵ terutamanya menunjukkan potensi pertumbuhan yang sangat tinggi di samping memiliki infrastruktur kewangan yang stabil seperti yang dapat dilihat pada kejayaan sistem perbankan Malaysia. Negara ASEAN secara kolektif memiliki kapasiti pembangunan ekonomi yang lebih pesat dengan mengambil kira rekod kemasukan pelaburan langsung asing yang semakin bertambah, saiz populasi yang besar dan guna tenaga yang masih muda.

ii. Kepelbagaian Dalam Sumber dan Kapasiti Pengeluaran

Negara ASEAN kaya dengan sumber semula jadi termasuk: gas dan minyak; arang batu; serta tanah pertanian. Ini turut ditambah lagi dengan kepelbagaian keupayaan pengeluaran terutamanya dalam sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan. ASEAN juga turut mempunyai bilangan PKS yang semakin meningkat. Kesemua faktor ini akan membantu kepada potensi pasaran untuk terus berkembang.

iii. Penyelarasan dan Kerjasama Serantau yang Erat

Kerjasama ekonomi serantau telah ditingkatkan melalui rangka tindakan AEC yang terus dirangsang oleh pelaksanaan FTA di antara ASEAN dengan rakan dialog seperti China, Jepun dan ROK. Seterusnya, kerjasama ASEAN telah dikukuhkan lagi melalui Piagam ASEAN, pelan hala tuju untuk ASEAN *Community* dan *Master Plan on ASEAN Connectivity*.

KESIMPULAN

Dalam persekitaran yang semakin global, AEC akan berdepan dengan banyak cabaran pasca 2015. Walau bagaimanapun, mengambil kira komitmen yang teguh dan pencapaian ASEAN yang terdahulu dalam menyempurnakan matlamat AEC telah meletakkan negara anggota di landasan yang betul dalam menghadapi cabaran tersebut. Sehubungan dengan itu, AEC pasca 2015 disambut dengan peluang yang luas untuk integrasi ekonomi yang lebih mendalam dan saling berkait di antara negara anggota ASEAN.

⁵ ASEAN-5 terdiri daripada negara Filipina, Malaysia, Indonesia, Thailand dan Viet Nam.

pemantauan secara objektif, lebih dipercayai, sebagai sebuah organisasi antarabangsa yang bebas dan menyumbang kepada kestabilan serantau serta kekukuhan CMIM. Tambahan pula, matriks *Economic Review and Policy Dialogue*, yang merangkumi penunjuk ekonomi dari semua anggota ASEAN+3 sedang disediakan untuk membantu negara anggota menilai kelayakan mengakses kemudahan pencegahan krisis CMIM. Selain itu, dua kajian sedang dijalankan bertujuan meneroka peluang mempertingkatkan penggunaan mata wang tempatan untuk penyelesaian perdagangan, pelaburan serta mengurangkan volatiliti aliran modal. Selain itu, Mesyuarat bersetuju untuk mengukuhkan *Asian Bond Markets Initiative* (ABMI) dengan menerima pakai pelan kerja bagi melaksanakan ABMI *New Roadmap+* yang dipersetujui pada Mei 2012. ABMI terus berusaha menambahbaik inisiatif sedia ada seperti *Credit Guarantee Investment Facility*, mempromosikan bon Asia kepada pelabur institusi, pengantara penyelesaian serantau, program penerbitan bon dan bantuan teknikal bagi meningkatkan keberkesanan kerjasama kewangan ASEAN+3.

APEC terus menyediakan ruang untuk membincangkan isu kepentingan bersama dan inisiatif bina upaya antara anggota ekonomi. Indonesia telah menganjurkan Mesyuarat Ke-20 Menteri Kewangan APEC pada September 2013 dengan tema *Resilient Asia Pacific, Engine of Global Growth*. Mesyuarat tersebut membincangkan prospek ekonomi terkini dan cabaran dasar yang dialami rantau APEC dengan tumpuan diberikan kepada empat agenda khusus, iaitu infrastruktur, pembiayaan perdagangan, keterangkuman kewangan dan juga pembaharuan perbendaharaan dan belanjawan. Para Menteri APEC bersetuju untuk melaksanakan dasar fiskal yang fleksibel bagi menyokong pertumbuhan ekonomi serta memberi tumpuan kepada keperluan pembaharuan struktur demi meningkatkan pelaburan; menambah produktiviti dan persaingan; meningkatkan penglibatan tenaga buruh dan pekerjaan; dan menentang segala bentuk perlindungan perdagangan.

Ekonomi APEC turut menegaskan komitmen mereka untuk menubuhkan APEC *Public-Private Partnership* (PPP) *Experts Advisory Panel*. Panel ini akan mencadangkan mekanisma bagi meningkatkan pembangunan infrastruktur serantau yang pada jangka panjang akan menyokong kemunculan pasaran APEC yang meluas dalam pelaburan infrastruktur. Seterusnya ini akan mewujudkan jaringan serantau pusat PPP untuk berkongsi amalan terbaik dalam pelaburan infrastruktur. Para Menteri Kewangan APEC turut komited ke arah mempromosi kelayakan kewangan golongan miskin dan PKS yang penting untuk membangunkan sistem keterangkuman kewangan. Pembiayaan perdagangan turut dibincangkan antara anggota, terutamanya mengenai ketersediaan dan kos pembiayaan perdagangan yang meningkat di ekonomi APEC berikutan krisis kewangan global. Dalam aspek ini, Malaysia berada dalam kedudukan yang baik untuk menguruskan pembiayaan perdagangan PKS di Malaysia. Impak peraturan Basel III terhadap akses pembiayaan perdagangan dijangka berada pada tahap yang minimum berikutan institusi perbankan di Malaysia mempunyai modal yang kukuh.

Prospek 2014

Pertumbuhan meningkat secara sederhana

Aktiviti ekonomi global pada 2014 diunjur berkembang pada kadar sederhana. Prospek ekonomi negara maju dijangka bertambah baik dengan keluaran berkembang pada 2% (2013: 1.2%). Pelonggaran konsolidasi fiskal yang ketara dan dasar kewangan yang akomodatif di AS dan Eropah dijangka menyokong pertumbuhan. Ekonomi AS dijangka terus berkembang disokong oleh pemulihan yang berterusan dalam sektor harta tanah dan kekayaan isi rumah yang lebih tinggi. Di kawasan euro, pertumbuhan dijangka pulih pada 1% (2013: -0.4%) dipacu oleh pengurangan fiskal yang lebih kecil, permintaan luar yang lebih kukuh dan pemulihan pemberian pinjaman sektor swasta. Sebaliknya, pertumbuhan di Jepun

diunjur menurun 1.2% (2013: 2%) berikutan penamatan rangsangan fiskal dan peningkatan cukai penggunaan.

Pasaran membangun yang berkembang pesat dan ekonomi membangun dijangka berkembang 5.1% (2013: 4.5%) dengan negara membangun di Asia terus menerajui pertumbuhan. Prospek pertumbuhan bagi rantau membangun lain di Afrika, Amerika Tengah dan Selatan, CIS serta Eropah pada amnya lebih baik, disokong oleh penambahbaikan ekonomi negara maju. Pertumbuhan di China dianggar meningkat dengan perlahan sebanyak 7.3% (2013: 7.6%) berikutan penstrukturan semula yang berterusan daripada ekonomi berteraskan pelaburan ke arah pertumbuhan yang lebih seimbang dan berkualiti yang berasaskan penggunaan domestik. Pertumbuhan India dijangka meningkat 5.1% (2013: 3.8%) berikutan penambahbaikan prasarana yang mengurangkan kekangan rantaian bekalan dan pengukuhan permintaan luar.

Tekanan inflasi global dianggar kekal rendah disebabkan jurang pengeluaran yang besar dalam ekonomi maju. Tambahan pula, harga komoditi

telah menurun berikutan keadaan bekalan yang lebih baik dan permintaan yang rendah daripada pasaran membangun yang berkembang pesat. Inflasi di ekonomi maju diunjur meningkat pada kadar 1.7% (2013: 1.2%) sementara di pasaran membangun yang berkembang pesat dan ekonomi membangun dijangka menurun kepada 5.7% (2013: 6.2%). Sementara itu, jumlah perdagangan global dijangka meningkat 4.9% (2013: 2.9%) susulan daripada pengukuhan permintaan di EU dan AS serta permintaan intra-serantau di Asia Timur.

Selaras dengan perkembangan ini, pertumbuhan global dijangka meningkat 3.6% (2013: 2.9%). Risiko yang menjejaskan unjuran ini termasuk palarasan tidak menyeluruh dalam sektor kewangan yang akan menyebabkan pelaburan dan pertumbuhan yang lemah di kawasan euro; pembaharuan struktur yang belum memadai dan kegagalan mencapai sasaran inflasi serta perbelanjaan fiskal yang semakin berkurangan di Jepun; dasar fiskal dan kewangan yang lebih ketat di AS; pertumbuhan yang semakin perlahan di China; dan pergolakan geopolitik di MENA yang akan menyebabkan gangguan dalam pengeluaran dan harga minyak.